



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I Bil. 9 Hari Khamis 21hb Februari, 1991

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar (Ruangan 1)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Mengalu-alukan Ahli Baru (Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1991 (Ruangan 38)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 21hb Februari, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar.

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi.

Saya berharap semoga Ahli yang baru dilantik itu dapat memberikan sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

SENAPANG PATAH KEPADA PETANI DI SARAWAK

1. **Datuk Tiong Hiew King** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan ancaman komunis kini telah hilang berikutan perletakan senjata PKM (Parti Komunis Malaya)/PKKU (Parti Komunis Kalimantan Utara), petani-petani kita ini sangat memerlukan senapang patah itu untuk menjaga dan melindungi tanaman-tanaman (buah-buahan, padi dan lain) dari kekacauan/serangan binatang-binatang liar. Apakah Kerajaan akan menimbang memberi semula izin miliki/mengguna senapang patah kepada petani-petani kita terutama yang tinggal di kawasan Rascom yang telah menyerah senapang patah mereka masing-masing kepada pihak berkuasa pada tahun 60an.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, proses pemberian lesen senapang patah pada hari ini di Sarawak masih dibekukan buat sementara dan ianya sedang dikaji sekarang ini.

Walau bagaimanapun, pemindahan tukarmilik senapang patah daripada bapa kepada anak lelaki menerusi tuntutan pesaka adalah dibenarkan dan berjalan seperti biasa.

Tuan V.K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seseorang Ahli Parlimen dikehendaki menyerahkan senjatapinya kepada Polis tanpa tuntutan gantirugi setelah beliau Lidak menjadi Ahli Parlimen lagi. Memandangkan senjatapi itu adalah digunakan untuk menjaga keselamatan diri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menimbangkan cadangan untuk membenarkan seseorang bekas Ahli Parlimen untuk terus menyimpan senjatapinya kerana adalah sama penting untuk menjaga keselamatan diri walaupun Setelah tamat menjadi Ahli Parlimen?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap tentang senjatapi ini ada dua bentuk. Satu ialah senapang patah dan satu lagi ialah pistol. Kebanyakan bekas-bekas Wakil Rakyat atau Wakil Dewan Negara semasa mereka menyandang jawatan, mereka memohon sepucuk pistol untuk menjaga diri mereka sebagai Wakil Rakyat dan apabila tamat sahaja tempoh khidmat Yang Berhormat-Yang Berhormat ini seringkali pihak Polis memohon agar pistol ini diserahkan kembali, tetapi jikalau sekiranya rayuan dibuat, maka bolehlah dipertimbangkan. Tetapi ada juga Yang Berhormat-Yang Berhormat ini yang memohon senapang patah, tetapi tidak pistol. Senapang patah pula apabila sudah tamat tempoh perkhidmatan mereka, senapang patah ini boleh dikekalkan dengan membuat rayuan atas dasar bahawa mereka hendak menjaga dusun-dusun

tetapi. mestilah dibuktikan bahawa bekas-bekas Yang Berhormat ini mempunyai dusun, bukannya bendang padi kerana bendang padi adalah terlalu merbahaya untuk digunakan senapang patah.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah syarat-syarat bagi seseorang warganegara ini untuk memiliki senjatapi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) seseorang itu mestilah cukup umurnya;
- (ii) siuman ; **[Ketawa]**
- (iii) tidak cacat perkara-perkara yang penting, seperti mata dan sebagainya;
- (iv) tidak ada kes-kes jenayah dari segi Polis walau semasa berumur remaja; dan
- (v) mempunyai dusun sekurang-kurangnya 3 ekar untuk dijaga, tetapi tidaklah dusun itu terlalu jauh sangat. Misalannya, seseorang bekerja di Kelantan tetapi dusunnya di Johor, tidak berpatutanlah kita beri senapang patah kerana tak mungkin dia berulang-alik. Jadi, biarlah berpatutan.

Jadi, kriteria-kriteria ini yang dipertimbangkan untuk seseorang itu mendapatkan senapang patah.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, tadi Yang Berhormat menyebutkan bahawa buat sementara ini dibekukan untuk lesen senapang patah. Saya ingin tahu kenapa lesen ini dibekukan dan bilakah agaknya diberikan peluang untuk permohon-pemohon

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat tidak baca soalan asal. Soalan asal ini untuk Sarawak, bukan untuk Semenanjung dan Sabah. Jadi, kita bekukan di Sarawak kerana setelah kita membuat perincian, kita dapati Sarawak mempunyai 57,687 pucuk senapang patah berbanding dengan seluruh Semenanjung - 54,775 pucuk sahaja, dan di Sabah pula, ada 12,592 pucuk. Jadi, memandangkan perincian ini, kita lihat bahawa mengapakah Sarawak mempunyai begitu banyak senapang patah sehingga melebihi Semenanjung sendiri. Dengan sebab itu, kajian mesti dibuat dan apabila kajian dibuat terpaksa pembekuan sementara terpaksa kita lakukan.

ASRAMA PENUH - PERBELANJAAN MAKAN/MINUM

2. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah nilai sebenar perbelanjaan makan/minum bagi setiap murid yang tinggal di asrama penuh seluruh negara; dan
- (b) apakah terdapat perbezaan nilai harga antara satu sekolah asrama penuh dengan sekolah asrama penuh yang lain di negeri-negeri Pantai Timur dan Barat.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kadar perbelanjaan makan dan minum bagi setiap pelajar yang tinggal di sekolah berasrama penuh di Semenanjung bergantung kepada sama ada sekolah berasrama penuh berkenaan menerima bekalan makanan bermasak ataupun bekalan makanan mentah. Bagi

sekolah-sekolah yang menerima bekalan makanan bermasak, kadar yang ditetapkan ialah \$3.90 sehari, di mana pelajar membayar \$1.00 dan selebihnya ditanggung oleh Kementerian Pendidikan manakala bagi sekolah-sekolah yang menerima bekalan makanan mentah, kadar bayaran yang ditetapkan ialah \$3.60 sehari, iaitu \$1.00 dari pelajar dan \$2.60 ditanggung oleh Kementerian Pendidikan.

Bagi sekolah berasrama penuh di Sabah pula, kadar perbelanjaan ialah \$6.00 sehari. Pelajar membayar \$1.00 dan Kementerian memberi bantuan \$5.00. Bagi Sekolah menengah sains Miri di Sarawak, perbelanjaan makanan sebanyak \$6.40 sehari ditanggung sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan.

- (b) Selain daripada perbezaan antara bekalan makanan mentah atau bekalan makanan bermasak, tidak ada perbezaan nilai harga perbelanjaan makan dan minum antara sekolah berasrama penuh yang terletak di negeri-negeri Pantai Timur dengan yang di Pantai Barat, Semenanjung Malaysia.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ada kaitan sahaja dengan perkataan dan fungsi asrama tetapi bukan berkaitan dengan perbelanjaan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kementerian bercadang untuk menambah lagi sekolah-sekolah yang berasrama penuh di seluruh Malaysia mengenangkan terlalu banyak permohonan dan tidak dapat dipenuhi memandangkan sekolah-sekolah berasrama penuh, keputusan peperiksaan anak-anak berkenaan sangat baik?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk membina lebih lagi sekolah berasrama penuh untuk membolehkan kebanyakan kanak-kanak kita di sekolah menengah di kawasan pendalaman dapat peluang yang sama untuk mengikuti dan melanjutkan pelajaran mereka. Untuk mencapai tujuan tersebut, Kementerian Pendidikan akan membina beberapa buah sekolah lagi yang berasrama penuh di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA - PRESTASI

3. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Syarikat Telekom Malaysia Berhad yang telah diberi kepercayaan oleh pihak Kerajaan, telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada pelanggan-pelanggan dengan bersih, cekap dan amanah.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, Kementerian saya mendapati prestasi STM adalah memuaskan dan pihak syarikat telah menjalankan tugasnya sepertimana diharapkan oleh pihak Kerajaan.

Dalam hubungan ini, sukacita saya menyebut secara ringkas beberapa kemajuan yang telah dicapai oleh pihak syarikat sejak ianva diswastakan:

- (i) Beberapa perkhidmatan baru telah dan akan diperkenalkan. Di antara perkhidmatan-perkhidmatan baru yang dijangka dimulakan pada tahun 1991 ialah Pengkalan Data Teleks, Mesej Suara, Teleinfo, Electronic Data Interchange dan Telepoint.
- (ii) Mutu perkhidmatan telah bertambah baik. Hakikat ini dapat dilihat antara lain daripada perangkaan

berhubung dengan perkara kerosakan.

Bagi tahun 1986, aduan bagi setiap seseorang pelanggan ialah 1.4. Angka ini telah menurun kepada 0.8 setiap seorang pelanggan dalam tahun 1990 yang mana merupakan satu penurunan yang sangat menggalakkan.

Berhubung dengan pemuliharaan kerosakan, pada tahun 1986, 78% daripada kerosakan telah diperbaiki dalam tempoh 24 jam. Dalam tahun 1990, angka ini telah meningkat kepada 92.4%.

- (iii) Secara keseluruhannya, perkhidmatan telekomunikasi telah mencapai pertumbuhan yang pesat. Misalnya, perkhidmatan teletex telah meningkat daripada 1.132 juta pelanggan pada tahun 1987 kepada 1.586 juta pelanggan pada tahun 1990, iaitu pertumbuhan sebanyak 14.2%. Dengan pertumbuhan yang pesat ini, nisbah telefon ataupun, dengan izin, penetration bagi setiap 100 orang penduduk telah meningkat daripada 6.8 pada tahun 1987 kepada 8.9 dalam tahun 1990.

KERETA TERPAKAI - KAWALAN KESELAMATAN

4. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah tertentu untuk mengawal keselamatan kereta-kereta terpakai (yang dijual kepada orang-orang awam).

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, setiap penjualan dan pembelian kenderaan motor adalah wajib diberitahu kepada Jabatan Pengangkutan

Jalan melalui proses tukar hakmilik. Sekiranya pembelian melibatkan kenderaan terpakai dari luar negeri ke Malaysia, kenderaan berkenaan hendaklah didaftarkan dan satu nombor pendaftaran diperuntukkan khusus untuk kenderaan tersebut dan seterusnya satu buku perakuan pendaftaran dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Ini bermakna satu rekod bagi kenderaan berkenaan diwujudkan mengandungi butir-butir kenderaan seperti nombor siri perakuan pendaftaran, jenis kenderaan, nombor enjin, nombor casis, nama dan alamat pemilik dan sebagainya.

Adalah menjadi tanggungjawab bakal pembeli untuk menyemak butir-butir kenderaan yang hendak dibeli itu dengan pemilik kenderaan dan syarikat kewangan bagi kenderaan yang ada tuntutan hakmilik. Untuk mengelakkan daripada tertipu, bakal pembeli boleh mengambil langkah-langkah tertentu seperti berikut:

- (i) jangan tergesa-gesa setuju membeli sesebuah kenderaan lebih-lebih lagi jika harga kenderaan itu murah daripada harga biasa;
- (ii) semak butir-butir pendaftaran asal kenderaan berkenaan;
- (iii) periksa dan tentukan nombor enjin dan nombor casis kenderaan tidak terusik, dengan izin, tampered dan tentukan nombor enjin dan nombor casis tersebut sama seperti di dalam buku pendaftaran;
- (iv) hubungi pemilik sebenar kenderaan yang hendak menjualnya; dan

- (v) sekiranya kenderaan yang hendak dibeli telahpun didaftarkan, semak dengan Jabatan Pengangkutan Jalan yang menyimpan fail kenderaan yang berkenaan untuk membuat pengesahan lanjut mengenai identiti sebenar kenderaan tersebut.

DASAR PENSWASTAAN - PELAKSANAAN

5. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Dasar Pengswastaan telah dicapai.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan dasar penswastaan pada peringkat awalnya menghadapi banyak masalah dan rintangan, termasuklah masalah kefahaman, undang-undang dan juga masalah kakitangan Kerajaan yang terlibat. Hal ini sememangnya dijangka oleh Kerajaan kerana dasar ini secara relatifnya masih baru, bukan sahaja bagi negara kita tetapi juga bagi negara-negara lain. Kerajaan telah berjaya mengharungi masalah yang dihadapi tersebut melalui penjelasan dasar kepada orang ramai, meminda undang-undang yang didapati menghalang pelaksanaan dasar penswastaan dan menawarkan syarat-syarat dan terma-terma perkhidmatan yang lebih baik kepada para pekerja yang terlibat. Hasilnya Kerajaan mendapati dasar ini semakin diterima oleh orang ramai dan jika dibandingkan dengan negara-negara lain negara kita adalah tergolong di antara negara yang telah berjaya dalam melaksanakan dasar penswastaan.

Sehingga kini Kerajaan telah berjaya menswastakan sebanyak 37 projek yang terdiri daripada agensi-agensi Kerajaan, syarikat-syarikat Kerajaan dan juga projek baru. Dari segi mencapai matlamat Kerajaan memperkenalkan dasar penswastakan, sukalah saya memaklumkan bahawa sehingga kini Kerajaan Persekutuan telah berjaya mengurangkan kakitangan seramai 53,886 orang. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan juga telah memperolehi hasil berjumlah kira-kira \$1,180 juta dari pelaksanaan dasar ini. Jumlah hasil ini cuma meliputi jualan harta-harta Kerajaan Persekutuan dan tidak termasuk hasil dari berbagai cukai yang dikenakan kepada entiti yang diswastakan. Kerajaan juga telah berjaya menjimatkan Perbelanjaan Pembangunan bagi menyediakan projek-projek baru yang bernilai \$8,154 juta melalui pelaksanaan dasar penswastakan. Projek-projek baru ini sepatutnya dilaksanakan oleh Kerajaan melalui peruntukan Belanjawan biasa tetapi telah dapat dipindahkan kepada pihak swasta melalui dasar penswastakan. Ini memberi peluang kepada Kerajaan untuk menyalurkan peruntukan Belanjawan tersebut kepada sektor-sektor lain yang lebih memerlukan perhatian Kerajaan seperti projek-projek kesihatan luar bandar, jalan luar bandar dan lain-lain projek yang tidak berdayamaju untuk diswastakan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar Kerajaan cuma menswastakan agensi-agensi Kerajaan yang membawa keuntungan sahaja dan bukannya agensi-agensi Kerajaan yang mengalami kerugian?

Tuan Douglas Unggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar kerana ada beberapa syarikat dan agensi-agensi Kerajaan walaupun ia menunjukkan kerugian tetapi mempunyai potensi yang baik kalau pengurusannya ditingkatkan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan, soalan yang lain berikut.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No. 6.

NELSON MANDELA KE MALAYSIA - SUMBANGAN MALAYSIA

6. Tuan C. Krishnan minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah bantuan wang yang diberikan kepada perwira anti apartheid, Tuan Nelson Mandela semasa lawatan beliau ke negara kita. Apakah program-program negara kita untuk membantu perjuangan anti-apartheid di Afrika Selatan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kos bagi membiayai lawatan Encik Nelson Mandela ke Malaysia baru-baru ini ialah sebanyak \$226,205.02. Kita telah menyumbangkan wang sebanyak US\$5 juta kepada Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) semasa lawatan tersebut bagi membantu perjuangan ANC dan orang-orang kulit hitam menentang dasar apartheid di Afrika Selatan. Kita juga telah berjanji untuk memberi kemudahan latihan dan perumahan bagi pelarian-pelarian yang akan kembali ke Afrika Selatan pada masa hadapan.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Dengan adanya pertukaran dasar Kerajaan Afrika Selatan sekarang ini bagaimana pula pendapat Kerajaan kita?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita amat mengalu-alukan satu ucapan yang dilafazkan oleh Presiden Afrika Selatan, Encik F.W. de Klerk pada 1 Februari yang lepas ini di mana beliau telahpun mengumumkan untuk memansuhkan tiga Akta terpenting bagi membubarkan dasar apartheid di Afrika Selatan. Hanya minggu sudah Jawatankuasa Komanwel berkenaan dengan masalah apartheid telahpun bersidang dan menyambut baik perubahan dasar regim South Africa. Cuma diputuskan pada ketika itu sanctions, dengan izin, terhadap Afrika Selatan akan terus dilaksanakan walaupun ada cadangan untuk perubahan dasar yang telahpun diumumkan. Tetapi sanctions akan hanya dihentikan setelah dasar-dasar baru itu dan pemansuhan Akta-akta yang menyekat itu dibubarkan dengan cara praktiknya. Maka kita boleh harapkan dalam masa yang tidak lama lagi sistem apartheid di Afrika Selatan akan dibubarkan dan Kerajaan campuran antara orang-orang kulit putih dan kulit hitam dapat diwujudkan.

KEMALANGAN JALAN RAYA

7. **Tuan David Yeoh Eug Hock** minta Menteri Pengangkutan menyatakan hajat Kementerian untuk meminta Ordinan Pengangkutan Jalan Raya (Road Transport Ordinance) sebagai langkah memberi kuasa kepada pihak polis untuk memeriksa nafas dan darah pemandu-pemandu kenderaan demi memastikan sama ada mereka telah meminum terlalu banyak arak. Langkah yang diambil ini amat wajar untuk menyelesaikan kemalangan di negara ini memandangkan bahawa pemandu-pemandu mabuk telah menyumbang sebanyak 1% dari jumlah kemalangan jalan raya di negara ini. Namun demikian, apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi punca-punca lain yang menyumbang kepada 99% lagi kemalangan jalan raya yang berlaku di negara ini.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Pengangkutan Jalan Raya (Road Transport Ordinance) telahpun ditukar dan dipinda kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang telahpun diluluskan oleh Parlimen dan sudah ada peruntukan-peruntukan mengenai kuasa kepada pihak Polis. Cuma Kementerian sedang menyediakan kaedah kereta/motor mengenai pengujian nafas, darah dan air kencing.

Di bawah cadangan kaedah tersebut terdapat dua peringkat ujian. Pada peringkat permulaan alat ujian nafas digunakan. Jika keputusan ujian didapati positif, pesalah dikehendaki menjalani ujian kedua yang mana hendaklah mendapat pengesahan daripada pakar perubatan. Sekiranya didapati positif pesalah akan dihadapkan ke mahkamah. Kementerian mencadangkan seseorang yang didapati mempunyai tahap alkohol yang melebihi 0.8 miligram akan dikenakan tindakan.

Mengenai langkah-langkah yang akan diambil bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini antara lainnya adalah seperti berikut:

- (i) menguatkuasakan Undang-undang Lalulintas Jalan dengan lebih ketat oleh agensi-agensi penguatkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis DiRaja Malaysia terutama bagi kesalahan-kesalahan yang menyebabkan kematian iaitu:
 - (a) memandu dengan bahaya;
 - (b) memandu dengan lalai dan tidak bertimbangrasa; dan
 - (c) memandu laju.

- (ii) melaksanakan kurikulum baru sekolah memandu dengan menekankan defensive driving, dengan izin, atau pemanduan berhemat sebagai satu amalan yang baik di jalanraya;
- (iii) menyediakan Buku Kurikulum Pendidikan Keselamatan Jalanraya bagi kanak-kanak pra sekolah dan sekolah rendah untuk kegunaan guru-guru/mengajar mengenai amalan keselamatan jalanraya.
- (iv) mengadakan latihan/kursus kepada pengajar-pengajar daripada sekolah, memandu bertujuan untuk mempertingkatkan keupayaan dan kemahiran mereka dalam melahirkan pemandu-pemandu yang lebih cekap dan bertimbangrasa;
- (v) menjalankan kempen-kempen khas khusus untuk kumpulan sasaran tertentu seperti penunggang motosikal, pemandu-pemandu kenderaan perkhidmatan awam dan sebagainya;
- (vi) mengedarkan bahan-bahan kempen seperti pelekat kereta, risalah-risalah, poster-poster kepada semua lapisan pengguna jalanraya;
- (vii) mengadakan ceramah keselamatan jalanraya kepada pemandu-pemandu kenderaan daripada Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan swasta;
- (viii) mengadakan pameran dan tayangan filem keselamatan jalanraya semasa berlangsung kempen-kempen yang dianjurkan;
- (xi) menggantung lesen pemandu-pemandu yang kerap melakukan kesalahan-kesalahan lalulintas jalan melalui pelaksanaan sistem KEJARA; dan

- (x) memperbaiki dan membina jalan-jalan raya yang lebih selamat di samping mengadakan banyak lampu-lampu isyarat dan tanda-tanda jalan serta papan-papan tanda yang mengandungi mesej keselamatan jalanraya.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Timbalan Menteri menyatakan adakah sekolah-sekolah memandu ini mengikut aturan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada di antara sekolah-sekolah memandu yang tidak mengikut aturan-peraturan, kalau Yang Berhormat tahu, sila laporkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan kerana mereka mesti mematuhi aturan-peraturan lalulintas dan juga mengikut kurikulum yang telah ditetapkan. Demikian juga mengenai bayaran. Ada bayaran-bayarannya yang mereka itu tidak boleh mengambil lebih bayaran bagi khidmat-khidmat yang diberikan. Silalah Yang Berhormat buat laporan kalau ada.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asal, Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No. 8.

DAFTAR PEMILIH - PENYEMAKAN

8. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Perdana Menteri menyatakan bilakah daftar pemilih dapat disemak semula dan dikemas-kinikan kerana terdapat nama orang yang meninggal dunia lebih dari sepuluh tahun masih ada dalam daftar pemilih. Bilakah agaknya pihak Suruhanjaya Pilihanraya akan menambah kawasan-kawasan. Parlimen dan DUN yang baru di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas

Embas]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Urusan pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih diadakan pada taip-tiap tahun dan urusan yang akan datang ialah pada tahun 1991.
- (b) Suruhanjaya Pilihanraya akan mengkaji semula bilangan bahagian-bahagian pilihanraya ketika urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya dijalankan. Urusan ini dijangka bermula penghujung tahun 1992 untuk Semenanjung Malaysia dan Sabah.

KAWALAN PERJAWATAN TERHADAP KERAJAAN NEGERI

9. Puan Hajah Habidah binti Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan kenapakah Kerajaan tidak memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri atau Badan Berkanun atau Penguasa Tempatan bagi:

- (a) mewujudkan, menambah, memproses, mengambil dan mengendalikan sendiri hal-hal perjawatan mereka bagi menyenangkan JPA dan tidak menimbulkan kes-kes yang lama yang berpanjangan tidak diselesaikan; dan
- (b) dengan mengasingkan kuasa dalam hal perjawatan ini dapat mengurangkan pengangguran serta mewujudkan tenaga kerja yang benar-benar peka kepada agensi tempat kerja.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terpaksa mengenakan kawalan perjawatan terhadap Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan disebabkan faktor-faktor seperti berikut:-

- (i) Pewujudan jawatan yang bertaraf tetap dan ber-pencen akan mengakibatkan tanggungan pencen oleh Kerajaan Persekutuan apabila penyandanginya bersara;
- (ii) Kerajaan Persekutuan perlu memastikan agar pewujudan sesuatu jawatan itu adalah benar-benar perlu, iaitu sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk mengoptimumkan saiz perkhidmatan awam;
- (iii) Asas-asas serta prinsip yang sama harus digunakan di dalam mempertingkatkan permohonan mengenai perjawatan dan keputusan yang saksama dapat diberikan kepada semua agensi sekiranya urusan tersebut dikawal oleh Agensi Pusat; dan
- (iv) Bagi menentukan pihak-pihak berkenaan mampu menanggung emolumen berikutan pewujudan sesuatu jawatan.

Jabatan Perkhidmatan Awam ingin menegaskan bahawa urusan mengenai perjawatan seperti proses mewujudkan atau menaikkan gred sesuatu jawatan adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti keperluan dari segi pertambahan beban tugas, kompleksiti ataupun pewujudan program baru. Ianya tidak mempunyai pertalian atau bermatlamatkan untuk mengurangkan pengangguran ataupun untuk mewujudkan tenaga kerja yang benar-benar peka kepada agensi tempat kerjanya.

RAWATAN DIALYSIS DI HOSPITAL KERAJAAN

10. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada masalah kekurangan mesin pencuci buah pinggang (dialysis machine) di hospital milik Kerajaan telah diatasi;
- (b) sama ada Kerajaan bercadang menempatkan sebuah mesin pencuci buah pinggang di Hospital Besar Seremban; dan bila; dan
- (c) adakah benar atau tidak bahawa mesin pencuci buah pinggang di Hospital Besar Kuala Lumpur hanya dapat digunakan oleh pesakit buah pinggang yang tertentu sahaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Ong Ka

Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini terdapat 15 pusat rawatan dialysis di hospital-hospital Kerajaan termasuk Hospital-hospital Universiti dan Hospital-hospital di Kementerian Pertahanan. Di Kementerian Kesihatan terdapat 11 pusat rawatan haemodialisis di hospital besar yang mempunyai 89 buah mesin. Untuk menampung jumlah pesakit yang semakin bertambah, Kementerian Kesihatan akan terus meningkatkan perkhidmatan ini menerusi langkah-langkah berikut:-

- (i) meningkatkan pusat-pusat rawatan haemodialysis yang sedia ada;
- (ii)menambah bilangan pusat-pusat rawatan di hospital-hospital besar lain dan seterusnya di hospital-hospital daerah yang mempunyai pakar secara berperingkat-peringkat;

- (iii) meningkatkan program 'home haemodialysis' di mana pesakit-pesakit dilatih untuk menjalankan haemodialysis di rumah; dan
 - (iv) meningkatkan program latihan kepada semua kategori kakitangan yang terlibat dalam program rawatan haemodialysis.
- (b) Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Haemodialysis Hospital Besar Seremban akan mula berfungsi pada tahun ini. Penubuhan unit itu telah bermula dalam tahun 1990 dan alat-alat pencuci air dan mesin telah ditempah.
- (c) Program rawatan haemodialysis di hospital-hospital Kerajaan termasuk di Hospital Besar Kuala Lumpur memberi keutamaan kepada pesakit-pesakit buah pinggang seperti berikut:-
- (i) semua pesakit yang mengidap penyakit Acute Renal Failure, di mana buah pinggang rosak sementara dan pesakit memerlukan rawatan mesin buah pinggang sementara sahaja;
 - (ii) pesakit yang akan menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang (transplant) mereka dirawat dengan mesin buah pinggang dahulu sebelum menjalani pembedahan dan selepas pembedahan mereka tidak memerlukan mesin itu lagi;

- (iii) pesakit yang telah menjalani pemindahan buah pinggang ataupun transplant, dengan izin, di mana buah pinggang yang diterima telah gagal berfungsi dan mereka yang memerlukan rawatan haemodialysis seumur hidup; dan
- (iv) pesakit-pesakit yang menjalani rawatan haemodialysis di rumah ataupun 'home haemodialysis' diberi latihan, pengawasan dan rawatan susulan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha, Parlimen Kementerian Kesihatan. Tidakkah Kementerian Kesihatan akan mengambil langkah untuk menyediakan lebih banyak lagi unit ataupun diadakan mesin-mesin haemodialysis di tiap-tiap hospital iaitu di tiap-tiap hospital di negeri-negeri kerana setahu kita semua bahawa mesin haemodialysis adalah memakan belanja yang begitu besar dan para pesakit-pesakit yang menghadapi sakit buah pinggang berpendapatan rendah tidak sanggup untuk membeli mesin-mesin haemodialysis.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang adalah menjadi hasrat Kementerian Kesihatan untuk memberi lebih banyak perkhidmatan haemodialysis ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sedang menubuhkan 3 pusat baru termasuk Seremban yang saya sebut tadi. Pusat baru yang lain adalah di Hospital Daerah Sandakan dan Hospital Daerah Tawau. Walau bagaimanapun, dari segi jangka panjang, Kementerian Kesihatan juga merancang dan agar sekiranya segala rancangan itu licin menjelang tahun 1993 kebanyakan hospital-hospital besar dan hospital-hospital daerah yang besar akan mempunyai rawatan haemodialysis itu.

SEMANGAT PERPADAN PELAJAR-PELAJAR

11. **Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa di antara lain yang telah dan sedang dianjurkan oleh Kerajaan untuk menyerapkan semangat silaturahmi di antara berbilang bangsa rakyat Malaysia, setakat manakah yang boleh dikatakan kejayaan atau kepuasan kita pada masa ini. Sekiranya belum lagi sampai ke tahap yang dimaksudkan, adakah baiknya dimasukkan dan diindoktrinasikan inti-inti mata pelajaran itu ke dalam kurikulum pendidikan sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian di semua lapisan sehingga tamat pengajian mereka.

Dr. Fong Chan. Onn: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pendidikan berpuashati terhadap usaha-usaha yang telah dijalankan bagi memupuk semangat perpaduan di kalangan pelajar-pelajar seraukaun. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan menambahkan lagi usaha untuk menyerapkan semangat silaturahmi melalui aktiviti-aktiviti kurikulum, ko-kurikulum dan budaya sekolah bagi mencapai matlamat perpaduan negara.

Unsur-unsur perpaduan telah dimasukkan dalam pelaksanaan KBSR dan KBSM yang berasaskan kepada falsafah pendidikan negara. Unsur-unsur perpaduan ini telah diperkukuhkan lagi melalui aktiviti pembelajaran di sekolah terutamanya melalui pelajaran bahasa, sejarah, agama dan pendidikan moral. Begitu juga langkah dibuat bagi memupuk semangat silaturahmi di kalangan guru-guru pelatih di maktab-maktab perguruan.

di peringkat institusi pengajian tinggi hubungan dan semangat silaturahim di kalangan pelajar pelbagai kaum pada masa sekarang adalah sangat memuaskan. Pihak pentadbiran atau pengurusan institusi pengajian tinggi dengan kerjasama persatuan-persatuan pelajar telah mengatur berbagai program bagi mempertingkatkan lagi hubungan tersebut melalui kegiatan-kegiatan kebudayaan, sukan, kerja-kerja amal, ceramah, lawatan dan lain-lain lagi..

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya bahawa untuk menyerapkan semangat silaturahim di antara berbilang kaum atau bangsa rakyat Malaysia, salah satu cara ialah untuk memulakan ini daripada peringkat awal iaitu di peringkat sekolah rendah. Jadi, inginlah saya bertanya sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan lebih banyak setakat ini yang saya tahu sekarang ada satu atau dua sahaja asrama untuk sekolah rendah - sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan lebih banyak asrama sekolah rendah untuk pelajaran daripada darjah satu hingga darjah 6 untuk berbilang kaum?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan fungsi sekolah berasrama penuh dari peringkat darjah satu, adalah berbagai pendapat mengenai perkara ini. Pertama, ada sebilangan para pendidik yang berpendapat bahawa pada peringkat yang awal, lebih berkesan jika anak-anak tersebut diberi peluang untuk tinggal dengan keluarga supaya pihak ibu-bapa juga menjadi satu pihak yang mustahak dari segi memberi pendidikan untuk anak-anak mereka.

Jadi, kalau mereka diasingkan dari awal ini mungkin menjejaskan keberkesanan sistem pendidikan. Tetapi ada juga mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman oleh kerana tidak ada peluang, atau tidak ada sekolah yang berdekatan, mereka tidak ada peluang untuk belajar di sekolah terutamanya di kawasan-kawasan pendalaman di Negeri Sabah dan Sarawak. Di pendalaman Negeri Sabah dan Sarawak, Kementerian Pendidikan ada membina sekolah-sekolah berasrama dari peringkat Darjah I. Untuk mereka yang tidak berpeluang atau tidak ada sekolah-sekolah yang dekat, mereka diberi peluang untuk tinggal di asrama-asrama tersebut.

Tetapi seperti yang saya telah terangkan tadi, Kementerian Pendidikan memang berpegang kepada pendapat bahawa pihak keluarga mesti berfungsi sebagai satu pihak yang penting dari segi pendidikan anak-anak. Jadi kalau bolehlah kita mengadakan asrama untuk mereka dari peringkat sekolah menengah sahaja.

PENERBITAN AKHBAR/MAJALAH - AWASAN KERAJAAN

12. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapakah Kerajaan tidak menyekat akhbar-akhbar, majalah-majalah, buku-buku dan lain-lain risalah daripada dijual atau disebar secara meluas sedangkan kenyataan di dalamnya membawa fitnah yang memberi kesan negatif kepada masyarakat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob : Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi setiap akhbar, majalah-majalah, buku-buku dan lain-lain risalah yang diedarkan di negara ini. Sekiranya didapati kenyataan terkandung di dalamnya membawa fitnah yang boleh menggemparkan fikiran atau menggugat ketenteraman awam atau keselamatan negara, maka Kementerian ini tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas terhadap pencetak, penerbit, penyunting dan penulis berita berkenaan.

JURURAWAT FILIPINA - PENGAMBILAN

13. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah benar Kementerian Kesihatan bercadang untuk mengambil jururawat-jururawat dari negara Filipina dan adakah cadangan untuk menambahkan pengambilan pelatih-pelatih jururawat.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Setakat ini Kementerian Kesihatan memerlukan lebih kurang 12,237 jururawat. Yang kita ada hanya 11,580 jadi kekurangan lebih kurang 657 pada masa **ini**. Jadi sebagai langkah jangka pendek untuk menokok-tambahkan keperluan jururawat, Kementerian Kesihatan sedang berusaha untuk mengambil jururawat berkhidmat secara kontrak (contract nurses) dari dalam negeri dan luar negeri termasuk daripada Filipina.

Pada peringkat awal ini kita telah mengiklan dalam akhbar dan untuk mengambil hanya pada peringkat ini jururawat kontrak dalam negeri sahaja dahulu untuk rakyat Malaysia dan permohonannya telahpun ditutup pada 28hb Januari yang lepas.

- (ii) Kementerian telahpun mengambil tindakan menambahkan pengambilan pelatih-pelatih jururawat di mana seramai 701 orang pelatih telahpun diambil pada tahun 1990 iaitu tambahan sebanyak 38%. Pengambilan akan ditambah lagi kepada 784 orang pelatih pada tahun 1991.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri Kesihatan, kenapakah kebanyakan jururawat di negara kita tidak berminat untuk bekerja di negara sendiri? Berapakah ganjaran yang diberi oleh negara luar seperti Timur Tengah misalnya, kepada seseorang jururawat itu berbanding dengan negara sendiri?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan sedikit pendapat Yang Berhormat Puan Hajah Habidah yang mengatakan bahawa banyak jururawat yang tidak suka bekerja di Malaysia. Tidak betul! Cuba lihat dalam galeri ini. [Ketawa]

Saya hanya mengatakan hanya kita kekurangan 657 orang iaitu lebih kurang tidak sampai pun 5% yang kurang. Yang pergi ke luar negeri itu oleh kerana sebab-sebab tertentu, kita tidak ada angka yang tertentu dan kita tidak ada maklumat tentang banyak gaji yang dibayai oleh negara-negara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Apa yang kita dengar ialah khabar-khabar angin yang mengatakan mereka mendapat bayaran gaji yang lebih tetapi risikonya tinggi.

Jika dia bekerja dengan Kerajaan Malaysia dia dapat banyak faedah yang orang belum tahu. Faedah yang pertama dia dapat pinjaman Kerajaan untuk membeli rumah dengan 4% faedah. Tetapi kalau dia bekerja dengan swasta dia pinjam duit bank, dia dikenakan nilai Interest yang tinggi. Tambahan pula baru-baru ini ada sedikit kelonggaran dari segi faedah. Yang kedua, pencen. Dia dapat bayaran pencen sampai dia mati. Dan banyak lagi faedah-faedah lain yang tersembunyi. Yang nampak sebagai satu bayaran yang terlonggok itu hanyalah untuk sementara dia bekerja sebagai pekerja kontrak sahaja.

Saya ingin mengulangi - mereka juga bekerja kontrak di luar. Selepas tiga tahun atau lima tahun mungkin mereka terpaksa berhenti juga.

Kita dengar juga akhir-akhir ini apabila Perang Teluk terjadi maka banyak yang telahpun pulang. Jadi, oleh kerana itulah maka kita telah mengambil langkah-langkah yang patut untuk menentukan bahawa ganjaran yang diterima oleh jururawat itu sepatutnya mengikut kelulusan mereka. Soalan kedua saya lupa.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Ganjaran.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Sudah jawab sekali.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama saya ingin mengucapkan terima kasih dan rasa begitu gembira melihatkan Timbalan Menteri Kesihatan menjawab soalan yang begitu bersungguh-sungguh, kemudian tangannya menghala ke sana. **[Ketawa]**

Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah setelah diiklankan atas kekurangan seramai 657 orang jururawat-jururawat, bagaimanakah sambutan permohonannya?

Yang kedua, sekiranya dalam negara sendiri ramai permintaan, adakah diperlukan juga untuk meminta dari luar negeri?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jawab tadi kita mula dengan rakyat Malaysia dahulu. Jadi kita telah mula mengiklan, dan dari permohonan (application) yang kita terima nampaknya menggalakkan. Tetapi selepas ditolak, diagih, ditapis hanya lebih kurang 193 orang sahaja yang layak sebab kebanyakan yang memohon itu tidak mempunyai kelayakan cukup. Walau

bagaimanapun kita tidak berputus asa sebab kita ada rancangan-rancangan lain, rancangan menambahkan pengambilan jururawat-jururawat daripada tahun ini sampailah ke tahun 1991 dan sampai 1997. Kita menjangka pada tahun 1997 pengambilannya akan balik seperti biasa.

Sebagai contoh, saya katakan pada tahun lepas kita ambil 701. Pada tahun 1991, 784 bertambah 54%. Jadi bertambah pula dengan jururawat secara kontrak maka kita dapat mengimbangkan kekurangan tersebut. Tetapi yang mungkin orang kurang faham ialah kekurangan ini boleh juga disebabkan oleh pertumbuhan hospital yang begitu banyak. Kita telahpun meluluskan, sebagai satu contoh, pembinaan 11 buah hospital nucleus 11 di seluruh negara yang bernilai lebih daripada \$800 juta. Kemudian ada juga hospital-hospital lain.

Sebab yang kedua permohonan untuk perkhidmatan kesihatan telah meningkat begitu tinggi ialah oleh kerana tarat hidup kita telah naik, oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional telahpun menambahkan ekonomi dan development yang begitu tinggi, jadi the demand for health services has increased, dengan izin. Jadi, oleh kerana itulah kita dapati kurang kaseimbangan di antara demand and supply.

Tuan Azman Atar bin Othman:[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang akhir sekali dan saya harap dijawab dengan ringkas.

Tuan Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri Kesihatan, sekurang-kurangnya dengan jawapan beliau tadi pelawat-pelawat daripada jururawat yang ada dalam Dewan ini tahu bagaimana Kerajaan mengambil berat atas kebajikan jururawat.

Selain daripada itu, saya ingin tahu untuk menjadi jururawat ini adakah satu daripada syaratnya dia itu mesti lawa, [Ketawa] mesti cantik. Selain daripada itu, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila dia dilantik sebagai jururawat, adakah satu daripada pelajaran yang diberi kepada mereka ini supaya mesti pandai bersopan-santun, mesti tahu berbudi-bahasa, muka senantiasa senyum, apabila melawat orang sakit agar apabila pesakit tengok muka jururawat tersenyum, mungkin boleh hilang sakitnya. Adakah ini sebahagian daripada syaratnya?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab ringkas: Ya. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab soalan saya, saya hendak membetulkan Bahagian (c) yang harus berbunyi: Bilangan Proton Saga yang telah

dijual dalam Malaysia dan untung bersihnya; dan apakah perbezaan mengenai kualiti Proton Saga yang dijual di dalam Malaysia dan yang dijual di luar negeri. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 14.

PROTON SAGA - JUMLAH JUALAN DAN KEUNTUNGAN

14. **Puan Law Jack Yoon** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) selain daripada Britain, negara-negara manakah juga mengimport Proton Saga;
- (b) sehingga sekarang berapa Proton Saga telah dijual di luar negeri dan jumlah untung bersihnya; dan
- (c) bilangan Proton Saga yang telah dijual dalam Malaysia dan untung bersihnya; dan apakah perbezaan mengenai kualiti Proton Saga yang dijual di dalam Malaysia dan yang dijual di luar negeri.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan soalan:

- (a) Sehingga 31hb Disember, 1990, selain daripada Britain terdapat 10 lagi negara-negara asing yang mengimport kereta Proton Saga iaitu Bangladesh, Sri Lanka, Brunei Darussalam, New Zealand, Malta, Eire, Jamaica, Singapura, Naura dan Mauritius.
- (b) Sehingga 31hb Disember, 1990, jumlah kereta Proton Saga yang dijual di luar negara adalah sebanyak 26,125 unit.

Keuntungan bersih hasil penjualan kereta di luar negara ini sehingga tahun kewangan berakhir 31hb Mac, 1990 adalah sebanyak \$36.8 juta.

- (c) Sehingga 31hb Disember, 1990 bilangan kereta Proton Saga yang dijual di dalam Malaysia adalah sebanyak 224,436 unit. Penjualan kereta Proton Saga di dalam Malaysia dikendalikan oleh Edaran Otomobil Nasional (EON). Keuntungan sebelum cukai yang dicapai oleh EON bagi tahun 1990 adalah sebanyak \$112.34 juta.

Jadi, untuk menjawab soalan tambahan tadi, sama ada kualiti kereta Proton Saga yang dijual di Malaysia dan di luar negeri berbeza, jawapan saya, tidak berbeza.

Puan Aionon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya mengenai Proton limousine. Bilakah gerangan rakyat boleh membeli ataupun menikmati Proton jenis mewah ini kerana rakyat kita banyak juga yang berkemampuan.

Soalan yang kedua, berapakah harga yang akan dijual di dalam negeri dan berapa pula harganya kalau dieksport ke luar negeri, Proton limousine itu?

Tuan Douglas Uggah Embah: Proton limousine ini akan dipasarkan selepas EON bersedia memasarkan. Oleh yang demikian, saya tidak ada harganya sekarang ini.

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN NEGARA - STRATEGI DAN PENCAPAIAN

15. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) sejauh manakah pencapaian pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Negara; dan
- (b) apakah strategi-strategi yang akan diambil oleh Kementerian untuk menyebarkan industri ke kawasan luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan

Industri [Dato' Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, Pelan Induk Perindustrian (PIP) merupakan satu rancangan bagi jangkamasa sepuluh tahun mulai tahun 1986 hingga ke tahun 1995, untuk menjadikan sektor perkilangan sebagai jentera pendorong perkembangan ekonomi negara. Selaras dengan syor-syor PIP, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menghapuskan halangan-halangan yang ada bagi mewujudkan satu iklim pelaburan yang lebih menarik supaya mencapai objektif pembangunan industri yang lebih pesat dan peningkatan eksport negara. Langkah-langkah yang telah diambil di antaranya memberikan kemudahan dan pertimbangan yang lebih menarik dalam keperluan perlesenan, penyertaan ekuiti asing serta pengujudan galakan-galakan pelaburan yang lebih menarik kepada pelabur-pelabur asing dan tempatan. Hasil dari kemudahan **ini**, jumlah pelaburan telah meningkat begitu menggalakkan iaitu dari \$5,163.2 juta dalam tahun 1986 kepada \$28,168.1 juta untuk tahun 1989 dan 1990.

Daripada perakuan-perakuan PIP, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah membubuhkan 13 pasukan petugas untuk mengenalpasti masalah yang dialami bagi sektor tersebut dan

syor-syor yang sesuai untuk dikemukakan kepada Jabatan yang berkenaan untuk memajukan sektor tersebut.

Di antara perakuan-perakuan yang telah dan sedang dilaksanakan adalah mengenai kajian kemungkinan menjadikan Malaysia pengeksport tayar terbesar di dunia, penubuhan kompleks kejuruteraan HICOM, penubuhan pusat tekstil, usaha-usaha untuk menggalakkan projek yang berasaskan makanan, projek kompleks perabot, penubuhan foundry and engineering park, dengan izin, dan penubuhan institusi seperti MIMOS di dalam kajian-kajian penyelidikan. Kerajaan juga telah memperkenalkan galakan-galakan untuk syarikat-syarikat yang menjalankan R&D, dengan izin, dan juga Latihan dalam bidang-bidang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pencapaian eksport, memang tidak dapat dinafikan bahawa pencapaiannya sangat mengalakkan, terutamanya bagi industri-industri berasaskan getah, elektrik dan elektronik, besi dan keluli, tekstil dan pakaian, logam bukan besi serta mesin dan kejuruteraan. Sektor-sektor ini telahpun mencapai prestasi eksport sebenar melebihi 100% daripada jangkauan PIP untuk tahun 1987-1989. Secara keseluruhannya sumbangan sektor perkilangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat daripada 22.4% tahun 1987 kepada 25.1% dalam tahun 1989 dan dijangka meningkat lagi kepada 26.6% di dalam tahun 1990.

Di antara strategi-strategi Kerajaan untuk menyebarkan industri ke kawasan luar bandar dengan menyarankan konsep koridor di Pantai Timur dan di Pantai Barat. Di antara kedua-dua koridor ini, pihak

Kerajaan memberikan penekanan di dalam menggalakkan pertumbuhan industri negara untuk membangunkan kawasan-kawasan yang kurang maju.

Selain daripada itu, Kerajaan juga menjalankan program pembangunan wilayah seperti yang telah dirancang dan dilaksanakan sekarang demi untuk membangunkan kawasan-kawasan tertentu. Kerajaan juga memberi pengurangan cukai sebanyak 5% daripada pendapatan larasan kepada syarikat-syarikat perkilangan yang menempatkan industri mereka di kawasan perindustrian yang digalakkan.

Usaha-usaha daripada Kerajaan Pusat sahaja tidak memadai jika Kerajaan Negeri tidak melaksanakan peranan aktif di dalam memberikan galakan-galakan tertentu untuk menempatkan industri di kawasan-kawasan tertentu. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri hendaklah mengambil inisiatif serta mengamalkan dasar terbuka demi untuk menarik pelabur-pelabur sama ada dari dalam atau luar negeri melabur di negeri masing-masing. Dengan adanya strategi-strategi ini adalah diharapkan industri dapat disebarkan ke seluruh negeri terutamanya ke kawasan-kawasan luar bandar.

SYARIKAT DI BAWAH RECEIVERSHIP - NASIB PEKERJA

16. **Tuan V.K. Selappan** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) apakah langkah yang telah diambil untuk membela nasib pekerja-pekerja syarikat di bawah penyeliaan Pemegang Amanah Raya (receivership) yang tidak membayar gantirugi yang berpatutan; dan
- (b) adakah cadangan untuk memperketatkan undang-undang syarikat yang boleh membela pekerja-pekerjanya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja yang bekerja dengan syarikat-syarikat yang telah diletak di bawah penerimaan atau, dengan izin, receivership, boleh membuat tuntutan-tuntutan untuk mendapatkan baki gaji, faedah penamatan kerja, gaji sebagai ganti notis, bayaran cuti tahunan dan lain-lain yang mereka layak terhadap syarikat berkenaan.

Mahkamah Buruh boleh memutuskan tuntutan-tuntutan tersebut di bawah Seksyen 69 Akta Kerja 1955. Usaha untuk mendapatkan bayaran bagi pekerja yang terlibat adalah terletak di bawah bidangkuasa Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Untuk menjawab soalan (b), bayaran gantirugi dan tuntutan-tuntutan lain oleh pekerja seperti tunggakan gaji, upah dan sebagainya sudahpun diberi keutamaan oleh Akta Syarikat 1965 mendahului tuntutan pemiutang-pemiutang lain yang tidak bercagar -Seksyen 191(1) dan 292(i) Bahkan, jika wang yang sedia ada bagi menjelaskan hutang-hutang oleh sebuah syarikat di dalam proses pembubaran dan penerimaan (receivership) tidak mencukupi untuk membayar tuntutan pekerja-pekerja, maka wang daripada penjualan harta-harta syarikat yang tercagar di bawah gadaian terapung (floating charge) hendaklah digunakan untuk membayar tuntutan pekerja-pekerja sebelum bakinya boleh dibayar kepada pemegang gadaian terapung.

Tambahan pula pada tahun 1986 Dewan yang mulia ini telah meluluskan pindaan kepada Akta Syarikat 1965 yang di antaranya pindaan kepada Seksyen 292(1)(b). Pindaan ini dibuat adalah kerana terdapatnya sungutan bahawa jumlah maksima yang boleh dibayar terhadap gaji atau upah seseorang pekerja sesebuah syarikat di dalam penggulungan atau penerimaan adalah ditetapkan sebanyak \$1,500 sahaj dan ini sangat merugikan pekerja. Maka dengan pindaan tersebut, walaupun jumlah di atas masih terpakai, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna boleh menetapkan suatu jumlah tertentu dari masa ke semasa.

Oleh itu, peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 yang ada sekarang adalah memadai untuk melindungi kepentingan para pekerja sebuah syarikat di bawah pembubaran atau yang diletakkan di bawah

penerimaan.

Satu mekanisma yang seimbang bagi mengendalikan pembayaran hutang-hutang sebuah syarikat yang sedemikian sudahpun wujud bagi menjaga kepentingan para pekerja dan para pemiutang. Sebarang perubahan untuk mengganggu mekanisma ini, iaitu dengan mengubah keutamaan pembayaran hutang boleh mengakibatkan perasaan ketidakpastian terutamanya dari segi pembayaran cagaran untuk mendapat pinjaman daripada institusi-institusi kewangan. Oleh itu Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk meminda Akta itu.

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

17. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Pendidikan menyatakan dasar Kementerian mengenai program-program pendidikan di Kelantan memandangkan Kerajaan APU Kelantan menganggapkan dasar pendidikan kebangsaan sebagai sekular. Apakah Kementerian akan membenarkan penubuhan sistem pendidikan yang berbeza di Kelantan.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa pendidikan adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Persekutuan dan bukan di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Ini diperjelaskan lagi oleh Akta Pelajaran 1961 yang memperuntukkan bahawa semua sekolah dan institusi pendidikan perlu didaftarkan di bawah Akta itu kecuali sekolah-sekolah atau institusi pendidikan yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran Agama Islam sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan. Dengan itu penubuhan sistem pendidikan yang berbeza di Kelantan tidak timbul.

MONOPOLI BAS DI LALUAN TANJONG MALIM - KUALA LUMPUR

18, **Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan menggalakkan 'monopoly of bus transport routes',
- (b) jika tidak, kenapa monopoli bas itu diberikan di laluan Tanjong Malim - Kuala Lumpur di mana penumpang-penumpang tidak puas hati dengan perkhidmatannya; dan
- (c) bolehkah Kementerian memberi kebenaran untuk lebih dari satu syarikat bas bagi perkhidmatan di jalanraya yang sibuk seperti di laluan Tanjong Malim - Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr Siti Zaharah binti

Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Untuk maklunan Yang Berhormat, bilangan syarikat yang beroperasi bagi setiap laluan adalah ditentukan berdasarkan kepada keperluan atau permintaan pengangkutan awam di laluan tersebut. Pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan sememangnya sentiasa mengawasi keperluan bagi setiap laluan dan akan menimbang sama ada untuk menambah bilangan lesen kepada syarikat yang ada atau menambah bilangan syarikat di laluan tersebut jika perlu.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada masa ini terdapat dua syarikat bas yang beroperasi di laluan Tanjong Malim - Kuala Lumpur iaitu Syarikat

Len Omnibus dan Syarikat Tanjong Malim - Kuala Lumpur Bhd. Syarikat Len Omnibus menjalankan perkhidmatan bas berhenti-henti dan perkhidmatan bas ekspres, manakala Syarikat Tanjong Malim. - Kuala Lumpur menjalankan perkhidmatan bas ekspres sahaja.

- (c) Berdasarkan maklumat yang telah diberikan, maka tidak timbul masalah 'monopoly of bus transport routes', dengan izin, seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat. Salah satu maklumat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ialah menentukan supaya keperluan kenderaan perdagangan mencukupi dan dapat memenuhi keperluan serta memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan mengikut keadaan dan perkembangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, masa untuk soalan-soalan sudah cukup. Sekarang kita terus pergi ke perkara dalam Aturan Urusan yang lain.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan So. 19 dan 20 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (20 Februari 1991)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak menyambung ucapannya, saya hendak menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Perkara 38 dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara yang mengatakan adalah salah pada tertib mesyuarat mendahului perbahasan atas Rang Undang-undang yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat dengan membahaskan sesuatu usul bersendirian.

Oleh sebab Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) adalah di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini, janganlah Yang Berhormat-Yang Berhormat berbahas mengenainya dalam ucapan di atas Rang Undang-undang Perbekalan 1991.

Berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan ini, selain daripada Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak, ada 7 orang Senator lain yang telah memberitahu saya bahawa mereka hendak berucap. Saya akan menjemput mereka mengikut giliran yang berikut. Selepas Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak ialah;

1. Yang Berhormat Tuan David Yeoh Eng Hock;
2. Yang Berhormat Tuan Itam Wali bin Nawan;
3. Yang Berhormat Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth;
4. Yang Berhormat Puan Hajah Rogayah binti Che Mat;
5. Yang Berhormat Tuan P. Balaram;
6. Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim; dan
7. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang

Kalau ada orang yang lain yang hendak berucap, kalau ada masa saya akan memberikan peluang selepas itu ini adalah orang-orang yang telah memberikan nama.....

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, bukan Tuan P. Balaram, Yang Berhormat sudah bercakap, ini C. Krishnan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Tuan C. Krishnan yang kelima - kalau mereka ada di dalam Dewan **ini**, kalau tidak ada di dalam Dewan, saya akan mananggil orang yang lain. Maka pada masa sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak. Maka pada masa ini janganlah sentuh hal tentang Perkhidmatan Bomba.

3.39 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita ketahui, dalam masa perang Teluk yang sedang berlaku sekarang ini, minat orang ramai terhadap berita peperangan tersebut amatlah diminati, bahkan apa sahaja sumber berita yang dapat dibaca, didengar atau dilihat amat berguna sekali. Ianya juga menjadi minat bukan sahaja orang-orang dewasa, tetapi penuntut-penuntut sekolah juga ingin mengikuti perkembangan peperangan tersebut.

Sebuah agensi Kerajaan, BERNAMA ditubuhkan dalam tahun 1967 dan objektif utamanya adalah mencari dan mengemukakan maklumat berita, bahan-bahan berita dan rencana-rencana berita yang lengkap, benar dan saksama atas apa-apa perkara mengenai kepentingan awam dan bangsa di dalam dan di luar negara. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan, mengapa kita tidak menghantar pemberita-pemberita kita dari BERNAMA ke Iraq dan Saudi Arabia? Kita semua tahu bahawa berita-berita yang kita baca, dengar dan lihat melalui TV adalah datangnya dari CNN, dengan izin, Cable News Network yang memberi berita yang berat sebelah.

Pada hari ini mungkin bahaya jika kita menghantar pemberita-pemberita dari Bernama ke Baghdad. Tetapi saya yakin jika Kerajaan menghantar seorang dua pemberita ke Riyadh, mereka adalah selamat dan dapat menghantar berita-berita mengikut selesa kita di sini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang BERNAMA, saya ingin menarik perhatian terhadap komen Ketua Audit Negara tentang kira-kira Pertubuhan Berita Nasional Malaysia ini bagi tahun berakhir 31hb Disember yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya mohon untuk mengquotenya:

"Daftar harta tetap tidak diselenggarakan dengan sewajarnya dan harta-harta tidak ditandakan. Dengan demikian adalah sukar bagi mengenal dan mengesahkan harta itu, tidak ada bukti yang menunjukkan pihak BERNAMA ada menjalankan pemeriksaan fiscal ke atas harta-hartanya. Pihak BERNAMA perlulah mengadakan dattar harta tetap berbentuk kekal dan ianya hendaklah sentiasa diselenggarakan dengan kemaskini. Pemeriksaan fiscal perlu dibuat dari semasa ke semasa bagi menentukan kewujudan dan keadaan harta serta penempatannya agar ianya terkawal. Harta tetap berupa komputer dan alat kelengkapan berharga \$704,546 dibeli dalam tahun 1988. Lembaga telah meluluskan pembelian ini. Walaupun begitu tidak ada bukti bahawa tender

atau sebut harga dipanggil bagi mendapatkan harta dengan mutu yang sesuai dan harga yang berasingan. Berhubung dengan pembelian komputer dan perisiannya, tidak ada kajian rintih dijalankan dan tidak ada Jawatankuasa Pemandu ditubuhkan bagi memastikan bahawa sistem yang sesuai dengan keperluan diperolehi. Justeru itu didapati sistem komputer tidak dapat menampung keperluan kawalan perakaunan dan kemudahan kredit.

Pada 31hb Disember 1988 terdapat si berhutang perdagangan sebanyak \$1,185,328 iaitu setelah ditolak hutang ragu sebanyak \$773,125 berhubung dengan hutang yang lama tidak dikutip. Kawalan kutipan hasil adalah lemah, terdapat penghutang masih terus diberi perkhidmatan dan kemudahan kredit walaupun hutang lama belum selesai. Kawalan kos adalah lemah, walaupun pihak BERNAMA ada menyediakan anggaran belanjawan tetapi ianya tidak digunakan sebagai alat mengawal kos sama ada kerana ianya tidak mampu digunakan sedemikian ataupun ianya disediakan semata-mata untuk keperluan Kementerian berkenaan. Oleh yang demikian tidak ada perbandingan dibuat sepanjang tahun di antara kos sebenar dengan anggaran yang disediakan.

Pada 31hb Disember 1988 BERNAMA kekurangan modal kerja sebanyak \$6,060,949. BERNAMA patutlah mengkaji semula hal ehwal kewangan bagi memperbaiki kedudukan modal kerjanya itu. Tindakan positif perlulah diambil bagi mengutip hutang dan mengkaji semula prosedur kawalan kemudahan kredic dan mengawal kos dengan lebih berkesan."

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu kita menjadi pengurus-pengurus yang cekap. Maka saya harap pengu-rusan BERNAMA hendaklah membuktikannya dan mengikuti nasihat Perdana Menteri itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi Kompleks Kerajaan di Jalan Duta amat penting sekali dan dengan itu oleh kerana bilangan jabatan Kerajaan yang banyak di kawasan itu maka ramailah orang-orang yang terpaksa pergi ke situ tiap-tiap hari. Kakitangan-kakitangan Kerajaan yang bekerja di kompleks tersebut juga adalah ramai.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya adalah bilangan tempat meletak kereta amat terhad sekali, kekurangan tempat meletak kereta ini sudah berlaku lebih 10 tahun yang lalu. Orang awam yang hendak membayar cukai kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri pun menghadapi masalah kerana teksi tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan kompleks tersebut. Saya ingin bertanya jika masalah ini berlaku lebih 10 tahun yang lalu, tidakkah ada apa-apa rancangan Kerajaan untuk membaiki masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta maaf kerana saya tidak mempunyai apa-apa cadangan untuk menolong menyelesaikan masalah ini tetapi saya yakin Kerajaan sedar tentang masalah ini, maka sudah tentu ada rancangan-rancangan untuk membaiki masalah tersebut. Saya harap Dewan yang mulia ini dapat diberitahu dan orang ramai akan berasa lega mendengar yang masalah meletak kereta di kompleks tersebut akan diatasi satu hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah menyatakan bahawa tekanan dan perhatian akan diberi terhadap kemajuan sukan bagi kalangan belia-belia di luar bandar. Saya menyambut baik dasar

ini, cara yang amat baik sekali adalah, supaya Kementerian ini memberikan sumbangan wang dan alat-alat sukan ke sekolah-sekolah di luar bandar. Ianya bukan sahaja akan digunakan untuk murid-murid sekolah tersebut, tetapi juga untuk belia-belia yang ada di sekitar sekolah-sekolah yang berkenaan. Saya perhatikan bahawa Kementerian Pendidikan tidak memberi sumbangan yang cukup terhadap kemajuan sukan di sekolah-sekolah. Saya yakin kemudahan seumpama ini akan menjimatkan wang Kerajaan tetapi dapat memajukan mutu sukan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, banyak masalah sukan di negara kita sekarang ini bukannya disebabkan oleh pemain-pemain tetapi masalah tersebut adalah dilakukan oleh pegawai-pegawai sukan di dalam pertubuhan masing-masing. Masalah yang berlaku terhadap Persatuan Lumba Basikal Amatur Kebangsaan atau dengan izin, Malaysian Amateur Athletit Union (MAAU), Persatuan Sepakraga Kebangsaan bahkan Majlis Olimpik Kebangsaan pun adalah disebabkan oleh pegawai-pegawai pertubuhan-pertubuhan yang kurang bertanggungjawab. Semua pertubuhan sukan di negara kita telah didaftar dan tertakluk kepada Undang-undang Pendattar Pertubuhan sahaja.

Saya cadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan menggubalkan undang-undang supaya semua pertubuhan sukan di semua periugkat di negara kita ini diletak di bawah Kementeriannya dan pegawai-pegawai diambil tindakan disiplin jika berlaku sesuatu hal pergaduhan di antara mereka. Jika pegawai-pegawai di syarikat-syarikat koperasi disenaraihitamkan kerana tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan, maka pegawai-pegawai pertubuhan sukan harus diambil tindakan sedemikian juga oleh Kementerian Belia dan Sukan. Dengan demikian

saya yakin mutu sukan di negara kita akan bertambah baik dari hari ini. Sungguhpun begitu saya ingin mengambil peluang ini supaya boleh direkodkan oleh Dewan yang mulia ini ucapan terima kasih dan syabas kita kepada pegawai-pegawai sukan yang telah mengorbankan tenaga dan wang ringgit mereka untuk kemajuan sukan di negara **ini**. Ucapan syabas yang istimewa kita berikan kepada olahragawan-olahragawan dan olahragawati-olahragawati negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji di atas kejayaan Kementerian Pertanian membangun dan menyediakan Taman Pertanian di Bukit Cerakah, Shah Alam. Sungguhpun Kerajaan telah membelanjakan wang yang banyak untuk kerja-kerja tersebut tetapi ianya menguntungkan dan memberi faedah yang banyak kepada penduduk-penduduk di negara kita ini.

Saya cadangkan Ahli-ahli Dewan ini akan dibawa melawat pada suatu hari nanti. Saya mengalu-alukan keputusan Kementerian tersebut yang akan membangunkan projek yang hampir sama di sepanjang Sungai Perak pada tahun ini. Apabila ianya siap nanti, saya yakin projek tersebut akan menguntungkan penduduk-penduduk di sana amnya dan rakyat negara kita khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, bijih timah adalah pengeluaran komoditi utama bagi negara kita pada masa yang lalu dan memberikan hasil yang banyak bagi Kerajaan kita. Malangnya pada ketika ini disebabkan tanah-tanah lombong hampir kehabisan dan pasaran yang lembab, harganya hari ini ialah \$15.09 se kg dan harga ini tidak mencukupi untuk menampung kos pengeluaran yang tinggi, maka industri yang disifatkan sebagai industri cetusan ekonomi suatu ketika dahulu tidak dapat diterima lagi.

Saya mengalu-alukan keputusan Kerajaan menghapuskan duti eksport atas semua galian dan penarikan balik skim rebat timah. Kita hendak menggalakkan peleburan bijih-timah di pelebur-pelebur kita di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, apakah insentif yang akan kita berikan kepada pelombong-pelombong yang telah lama berkecimpung dan mencari makan di dalam industri ini? Agak saya Kerajaan bersetuju dengan saya bahawa Kerajaan terhutang budi kepada pelombong-pelombong ini kerana dengan usaha merekalah yang telah membangunkan negara kita ini ke taraf yang kita nikmati pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat. Bolehkah Yang Berhormat cuba habiskan ucapan dalam masa 5 minit? Kerana sehingga masa kini saya telah mendapat sejumlah 12 orang Senator yang hendak berucap dan saya hendak memberi peluang kepada tiap-tiap seorang dan tiap-tiap seorang barangkali akan mengambil masa lebih kurang 15 minit untuk menghabiskan ucapan. Sila sambung.

Dato' Azumu bin. Tak: Ada satu muka lagi, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam masa kesusahan ini ada juga pelombong-pelombong yang masih menjalankan operasi mereka dan mereka mempunyai pekerja yang ramai. Saya syorkan buat sementara waktu rebat ke atas diesel dan bekalan elektrik diberikan kepada mereka. Saya juga syorkan agar kajian menyeluruh dibuat oleh Kerajaan tentang keadaan perusahaan ini. Dengan keadaan dunia hari ini apakah prospek industri ini? Saya yakin setelah kajian dibuat industri ini masih ada harapan untuk maju dari segi ekonomi dan galakan-galakan haruslah diberi oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ini di atas kecekapan beliau mengendalikan penubuhan, dengan izin, East Asian Economic Group (EAEG) setelah persidangan General Agreement On Tariff and Trade gagal di Uruguay. Pada awal lawatan beliau ke negara-negara ASEAN, kita dengar bahawa ia mendapat sambutan dan semua negara akan menyokong penubuhan EAEG ini. Tetapi selepas sebulan kita mendengar ada negara-negara besar yang cuba mempengaruhi sahabat-sahabat kita negara-negara ASEAN supaya tidak menyokong penubuhan Group tersebut kerana kita cuma memikirkan kepentingan perdagangan kita di kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya bagaimanakah keadaannya sekarang dan bilakah dijangkakan Group ini akan bermula? Apakah rancangan Kerajaan untuk membanteras dakwah negara-negara EEC terhadap masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir adalah di dalam masa kita membincangkan masalah perang Teluk sekarang **ini**," kita harus mendidik belia-belie dan beliawanis-beliawanis di negara kita tentang lima bahagian penting di dalam Pasukan Pertahanan Awam. Pada masa ini latihan Pertahanan Awam cuma diberikan kepada belia-belie dan beliawanis-beliawanis di bandar-bandar sahaja. Saya cadangkan agar latihan ini diperluaskan kepada belia-belie di luar bandar. Masalahnya sekarang ini ialah latihan cuma ada di bandar-bandar besar sahaja di negara kita **ini**. Mungkin kita boleh menerima ini dan meminta belia-belie dari luar bandar datang ke bandar untuk mengikuti latihan tersebut. Jika ini kita galakkan maka timbul pula masalah elaan mereka. Elaun yang mereka terima hari ini cuma

80 sen sahaja dan elaun ini tidak berubah semenjak tahun 1960. Saya fikir Kerajaan patut mengkaji semula supaya elaun mereka ditambah dengan amaun yang lebih berpatutan.

Perkara kedua dalam hal Pertahanan Awam ini ialah alat-alat latihan mereka adalah lama dan tidak ditukar. Tidakkah boleh peruntukan pasukan ini ditambah supaya mereka boleh bergerak sebagai Pasukan Pertahanan Awam yang moden dan cekap?

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan David Yeoh Eng Hock.

3.55 ptg.

Tuan David Teoh Eng Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1991 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Datuk Paduka Daim Zainuddin, Menteri Kewangan Malaysia seperti yang diterangkan dalam Ucapan Belanjawan 1991.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum memberi pandangan saya terhadap ucapan Belanjawan itu, izinkan saya merakamkan penghargaan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini terhadap sumbangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin, Menteri Kewangan Malaysia, yang akan meletakkan jawatannya pada pertengahan bulan Mac 1991.

Saya pasti bahawa bukan sahaja Ahli-ahli Dewan yang mulia ini yang menghargai jasa dan khidmat beliau kepada bangsa dan negara, malahan semua rakyat di negara ini juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin. Kita telah nampak bahawa sejak beberapa tahun yang lepas, beliau telah berjaya memimpin negara ini mengharungi tahun-tahun kemelesetan ekonomi. Maka dengan

kita dapat menikmati pertumbuhan ekonomi pesat yang ada sekarang. Sebagai contoh, kadar pertumbuhan ekonomi untuk tahun 1990 ialah, 9.5% dan adalah dijangkakan bahawa kadar pertumbuhan pada 1991 ialah, 7.8%. Ekoran dari rahmat tersebut ke atas negara kita, janganlah kita semua berpuas hati dengan pencapaian itu. Sebaliknya hendaklah kita menguatkan azam untuk bekerja bersungguh-sungguh dan menjadi lebih produktif supaya pertumbuhan ekonomi Malaysia serta kesejahteraan rakyat dapat dipertahankan.

Saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim di atas perlantikan beliau sebagai Menteri Kewangan yang akan berkuatkuasa pada 15hb Mac, 1991. Saya menyokong Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang melantik Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Mentehiri Kewangan. Saya yakin bahawa Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim berupaya menyandang jawatan Menteri Kewangan dengan cemerlang kerana beliau telah dikenali sebagai seorang yang rajin, mahir dan berpengetahuan luas mengenai hal ehwal negara dan dunia. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada beliau dalam perlantikan barunya dan saya yakin kita semua akan memberi sokongan penuh kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan di atas Belanjawan praktikal yang berlandaskan tema masyarakat penyayang itu. Belanjawan 1991 telah diisytiharkan

sebagai Belanjawan Rakyat di sebabkan banyak insentif yang diberikan. Orang ramai kini hendaklah berterima kasih kepada Kerajaan di atas usahanya itu dengan menyokong Kerajaan demi memastikan negara terus menjadi progresif, aman dan makmur .

Kepada rakyat jelata, Belanjawan 1991 telah menawarkan banyak insentif seperti pengurangan kadar cukai pendapatan individu, tafsiran berasingan untuk isteri, pelepasan cukai atas isteri dan anak-anak, serta pelepasan cukai atas caruman KWSP dan premium insurans.

Buat kali pertama dalam sejarah negara kita, Kerajaan di dalam usahanya untuk memupuk konsep masyarakat penyayang telah menawarkan insentif untuk orang ramai di mana pelepasan cukai untuk kanak-kanak cacat ditingkatkan daripada \$400 kepada \$1,000 dan pelepasan cukai tidak lebih dari \$1,000 setahun diberi kepada pembayar cukai untuk belanja rawatan perubatan bagi ibu bapa mereka. Kesemua ini menunjukkan bahawa Kerajaan adalah ikhlas dan mengambil berat terhadap orang ramai serta bersiap-sedia untuk menanggung sebarang perbelanjaan lebihan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Belanjawan 1991 akan melibatkan perbelanjaan sebanyak \$38,474 juta di mana \$29,040 juta dikhususkan untuk perbelanjaan mengurus dan \$9,434 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Memandangkan bahawa hampir 75% telah diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus, maka adalah penting supaya Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan menggunakan wang dengan jimat-cermat serta memastikan supaya objektif-objektif mereka tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, Kementerian Pendidikan telah diperuntukkan sebanyak \$5,552 juta yang merupakan peruntukan yang terbesar dalam Belanjawan Negara. Dengan jumlah sebesar ini, saya berharap sistem pendidikan kita dapat diperbaiki supaya kita tidak sahaja melahirkan anak-anak yang bijak di dalam pelajaran serta lulus peperiksaan dengan keputusan cemerlang. Tetapi apa yang penting ialah kita boleh melahirkan pelajar-pelajar yang menghargai nilai-nilai murni khususnya hidup dalam sebuah masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia. Saya ingin mencadangkan supaya nilai-nilai bersana setiap kumpulan kaum negara ini diserapkan ke dalam kurikulum sekolah sehingga peringkat universiti di negara

ini. Dengan ini, prasangka ras dan sifat stereotype dapat dikurangkan. Dari perspektif yang lebih positif, pelajar-pelajar dari pelbagai kumpulan etnik boleh berinteraksi, bekerjasama di antara satu sama lain dan yang paling penting sekali saling percaya-mempercayai. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menuju ke arah mewujudkan satu identiti Malaysia yang tulen.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa kita akan membelanjakan jumlah wang yang begitu besar dari segi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan, saya ingin mencadangkan supaya perhatian yang lebih serius ditumpukan kepada bidang penyelidikan dan pembangunan sebagaimana yang dilakukan oleh kebanyakan negara maju. Tidak boleh dinafikan bahawa penyelidikan dan pembangunan merupakan satu komponen yang mustahak dalam keseluruhan perancangan dan pembangunan sesebuah negara. Penyelidikan dan pembangunan boleh rneningkatkan kadar produktiviti dan disebaliknya mampu mengelakkan berlakunya sebarang kelemahan dan kekurangan dalam perancangan. Adalah ideal sekiranya setiap jabatan dan agensi Kerajaan memperkukuhkan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan masing-masing supaya organisasi mereka boleh berfungsi dengan lebih berkesan dan efektif. Maka pelaksanaan Belanjawan khususnya penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan sumber manusia harus rnenyokong idea dan visi Yang Ainat Berhormat Perdana Menteri supaya menjadikan negara Malaysia lebih bersaing.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan ini, saya juga ingin mencadangkan supaya kita menumpukan perhatian yang lebih terhadap barangan buatan tempatan sebagai pengganti kepada barangan import. Memandangkan Krisis Teluk yang berlaku baru-baru ini orang ramai pada amnya, sepatutnya belajar rnenbeli lebih banyak barangan

yang dihasilkan oleh negara ini demi menjimatkan pertukaran wang asing kita. Sebenarnya kebanyakan dari barangan buatan tempatan adalah berkualiti tinggi berbanding dengan setengah barangan import. Kadang-kala orang ramai tersalah anggap bahawa barangan import lebih berkualiti dari barangan tempatan. Ini adalah tidak benar. Oleh itu, kita hendaklah menukar sikap dan tanggapan kita dan seterusnya mula percaya dan yakin akan barangan dan perkhidmatan negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata **ini**, saya sekali lagi ingin menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1991.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Itam Wali.

4.08ptg.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Tuan Yang di-Pertua, saya dahulukan dengan ucapan terima kasih kerana membolehkan saya melibatkan diri dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1991. Terima kasih juga saya tujukan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini khasnya Ahli-ahli Dewan Negara kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan bersama-sama saya mengnyelesaikan perkara-perkara yang akan saya utarakan sebentar lagi.

Mengenai pencapaian prestasi kewangan negara yang membanggakan semua rakyat Malaysia, segala pujian harus diberi kepada Yang Berhormat Dato' Paduka Daim, Menteri Kewangan Malaysia kerana dengan kebijaksanaannya membolehkan prestasi kewangan negara di tahap amat sempurna. Walaupun Yang Berhormat Dato' Daim akan berehat dari tugas mencabar itu tetapi usahanya kita tetap sanjung. Diharap dan seterusnya saya yakin Dato' Paduka Daim sentiasa membuka pintu kepada kita semua membolehkan kita minta nasihat dalam apa-apa hal jua sekalipun.

Kita sedang berbincang mengenai prestasi kewangan seperti terdapat dalam Rang Undang-undang Perbekalan 1991. Hasil perolehan negara yang membanggakan kebanyakan Kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan telah diperuntukkan sejumlah wang yang jauh lebih baik dari tahun-tahun yang sudah-sudah. Kepada saya, pertambahan peruntukan Belanjawan ini memberangsangkan Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan meneruskan tugas-tugas untuk masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini, ingin saya tumpukan huraian saya kepada masalah kemiskinan dan kebajikan masyarakat yang majoritinya terdapat di kawasan-kawasan luar bandar dan juga kawasan-kawasan pendalaman. Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyerahkan atau memberi gambaran kehidupan masyarakat daif di kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan pendalaman itu.

Terdapat sebuah komuniti di negara ini disebut Orang Asli. Di negara lain disebut dengan berbagai-bagai sebutan lain. Pembangunan sosio-ekonomi masyarakat ini jauh ketinggalan di belakang-berbanding dengan komuniti lain di negara ini. Pendapatan bulanan seisi keluarga dari pungutan hasil hutan adalah jauh di bawah paras pendapatan rakyat termiskin di Malaysia iaitu sebanyak \$175 sebulan. Pendapatan mereka secara purata ialah \$80 sebulan.

Di setengah-setengah kawasan pihak Kerajaan berjaya membekal benih, baja dan racun bagi tujuan pertanian. Tanaman berjaya mengeluarkan hasil, tetapi hasil-hasil itu tidak dapat dipasarkan untuk mendapatkan wang kerana kemudahan asas, khasnya perhubungan jalan raya tidak ada. Ini adalah satu kelemahan yang menjadi bertentangan dengan kehendak dan arahan kita, iaitu berkehendakkan masyarakat luar bandar rajin dan tekun berusaha, tetapi matlamat akhir memasarkan hasil pertanian tidak tercapai. Ini menjadi masalah kepada meningkatkan pendapatan ekonomi masyarakat-masyarakat di luar bandar.

Kemudahan asas lain iaitu bekalan elektrik dan air jarang kedapatan dalam kawasan-kawasan di pedalaman. Kita berkempen menyuruh masyarakat luar bandar menggunakan air bersih supaya dapat menghindarkan penyakit-penyakit daripada air tidak bersih, tetapi dengan bekalan tidak ada, matlamat mencegah penyakit berpunca daripada air tidak dapat tercapai juga. Dalam keadaan lain, harapan kita memberi pendidikan sekolah secara sempurna, mewujudkan masyarakat berilmu dan berpendidikan dalam keadaan kurang kemudahan asas, termasuk bekalan elektrik, usaha-usaha menggalakkan masyarakat minat membaca, terutama waktu malam, harapan hanyalah tinggal harapan, terutama waktu malam tidak ada lampu tidak dapat membaca. Harapan saya supaya kawasan-kawasan. Orang Asli di pinggir-pinggir bandar dirangkumi ke dalam program pembangunan kemudahan asas Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menggambarkan keadaan hidup masyarakat luar bandar, khasnya Orang Asli, berbagai-bagai masalah

lain dapat dianggap sebagai melambatkan proses peningkatan ekonomi, proses transformasi dan proses integrasi. Perkara tanah adalah masalah yang sering diperkatakan oleh masyarakat ini dan telahpun beberapa kali dibentang, dibahas dalam beberapa seminar dan forum, namun masalah tetap menjadi masalah. Tanah kepada mereka adalah tempat untuk tinggal dan tempat menjalankan kegiatan ekonomi. Masalah yang sering dihadapi oleh masyarakat ini ialah kawasan-kawasan mereka kebanyakannya tidak mempunyai status. Akibatnya, sekurang-kurangnya tiga perkara utama selalu berlaku:

- (i) oleh kerana tidak berstatus, agensi-agensi pembangunan tanah kurang berminat memasukkan program-program pembangunan ke kawasan-kawaaan serupa ini;
- (ii) mereka sering diarah berpindah keluar daripada kawasan tempat tinggal itu dan tanah yang berkenaan diambilalih oleh agensi-agensi tertentu bagi tujuan-tujuan yang tertentu juga; dan
- (iii) akibatnya mereka akan terus berpindah-randah tanpa henti-henti sampai bila-bila pun walaupun keadaan mereka sendiri tidak menunjukkan mereka suka berpindah lagi.

Keadaan ini hanya boleh dihentikan dengan mengadakan satu peraturan undang-undang terhadap tanah-tanah Orang Asli.

Tidak dinafikan pembangunan industri di negara ini amat penting dan telah memberi pulangan balik pendapatan kepada negara ini, seperti dilaporkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia pada 18hb Februari, 1991 baru-baru ini. Kita bersyukur sektor ini telah berjaya mengatasi beberapa masalah negara, termasuk prestasi

kewangan dan peluang-peluang pekerjaan serta manfaat-manfaat yang lain. Bagi Orang Asli yang telah sebatu dengan budaya bertani semenjak lama dahulu, majoriti masih mengamalkan cara hidup bertani, budaya ini saya anggap bukanlah asing tetapi kebanyakan negara-negara maju di dunia aktiviti asalnya bermula dengan pertanian, kemudian transformasi tamadun yang bergerak secara berperingkat-peringkat ke arah moden seperti yang kita dapati pada hari ini. Oleh yang demikian, budaya-bertani ini buat masa ini perlu dikekalkan dan diintensifkan pelaksanaannya supaya penghasilan dapat meningkatkan pendapatan ekonomi masyarakat ini. Ke arah itu, saya minta simpati Kementerian-kementerian, terutama Kementerian Pertanian Malaysia memasukkan program-program pembangunan kepada kawasan-kawasan Orang Asli dan menentukan penghasilan yang lumayan.

Seterusnya ingin saya menyentuh mengenai dengan perangkaan dan bantuan rakyat termiskin di negara ini. Telah saya utarakan awal tadi pendapatan majoriti masyarakat Orang Asli secara purata di bawah paras pendapatan rakyat termiskin. Keadaan ini nyata sekali mereka tidak mampu membina tempat kediaman yang sempurna. Saya kurang pasti sama ada Kementerian berkenaan ada membuat bancian secara menyeluruh serta merangkumi masyarakat Orang Asli seramai 72,049 jiwa. Yang nyata masih terdapat pondok-pondok buruk di merata tempat. Melalui Dewan ini saya minta bancian yang dilakukan supaya merangkumi kawasan-kawasan Orang Asli walau di kawasan pedalaman sekalipun. Harapan saya supaya Orang Asli juga menikmati program ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya wang memainkan peranan yang amat penting. Wang boleh memberi keburukan kepada sesuatu pihak, kadangkala memberi kebaikan kepada semua pihak. Beberapa bulan yang lalu semasa Pilihanraya Umum negara, wang telah menjahanamkan Orang Asli di Kelantan. Kita sedia maklum, Orang Asli berada dalam alam

yang tertutup dan mereka tidak mengetahui apa itu politik. Keadaan ini telah diambil kesempatan oleh mereka yang bijak pandai berserta penggunaan wang yang banyak untuk mempengaruhi mereka sama-sama terjebak dalam politik nasional. Akibatnya, kita terlepas satu zon majoriti penduduknya Orang Asli. Zon yang saya maksudkan ialah kawasan Hulu Kelantan. Mereka di kawasan ini ibarat "sudah jatuh ditimpa tangga". Maksud saya, kawasan tersebut memang sedia kurang membangun, kekalahan Barisan Nasional di kawasan itu memburukkan lagi situasi pembangunan. Di tempat-tempat lain pula ada di mana terdapat, Barisan Nasional berkuasa, terdapat pula kerengah yang kurang menyenangkan. Terdapat bukti-bukti menunjukkan apabila Orang Asli memohon bantuan pembangunan termasuk kemudahan asas, wakil kita dengan senang mengatakan, "kamu semua tidak ramai, kalau tak undi saya pun saya tetap menang. Kalau hendak apa-apa bantuan, jumpalah Jabatan kamu sendiri". Apalah malangnya nasib puak ini, kasihan. Seharusnya tidak dilayan begitu, mereka juga bumiputera, mereka juga memerlukan bantuan-bantuan wajar.

Strategi kelima Dato' Paduka Daim dalam pembentangan Laporan Belanjawan berbunyi, "memupuk masyarakat penyayang" Pada saya strategi ini harus diamalkan demi keharmonian masyarakat majmuk Malaysia dan menjamin kestabilan politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, suka saya memperlihatkan beberapa potensi ekonomi kawasan pedalaman yang belum terusik. Di antaranya ialah sektor pelancongan yang boleh dibahagikan kepada tiga jenis:

- (i) tempat-tempat istirehat yang istimewa di kawasan-kawasan pedalaman di hutan;
- (ii) pengembaraan (adventure); dan
- (iii) pembelajaran.

Maksud saya, pembinaan chalet-chalet di tempat-tempat yang strategi dan indah di pedalaman adalah tempat istirahat yang diidamkan oleh kebanyakan orang. Mengembara menjelajah hutan tropika adalah satu pengalaman sukar didapati- di bandar-bandar. Kawasan-kawasan hutan di sekitar kawasan Orang Asli amat kaya dengan tumbuhan ubat-ubat tradisional, alat-alat krattangan asli, unik dan tersendiri. Segala alat memburu, jerat, perangkap masih dipusakai oleh pencipta-pencipta Orang Asli sendiri. Segala ini adalah menjadi tarikan kepada pelancong di dalam dan luar negeri. Berkaitan keistimewaan ini, saya menyarankan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan meneroka sudut ini supaya menghasilkan dua hala pendapatan negara dan peningkatan ekonomi serta peluang pekerjaan kepada masyarakat Orang Asli.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan rancangan pembangunan ekonomi berbentuk FELDA. Rancangan ini jelas dilihat amat berjaya di negara kita. Saya berharap Orang Asli juga sama ada Orang Asli awam atau bekas-bekas Pasukan Keselamatan yang kita sebut Senoi Praaq diterima dalam rancangan FELDA. Pertimbangan wajar pihak berwajib FELDA ini menerima peserta-peserta Orang Asli akan memberi banyak manfaat kepada semua pihak.

Kesemua perkara yang saya utarakan tadi adalah masalah Orang Asli dan masalah masyarakat luar bandar di negara ini. Saya tidak menetapkan Kementerian dan Jabatan-jabatan yang harus dipertanggungjawabkan kepada masalah itu kerana kepada saya, Orang Asli adalah kepentingan umum (national interest). Dengan itu, saya berpendapat masalah kemiskinan dan kedaifan masyarakat-masyarakat luar bandar, termasuk Orang Asli, harus mendapat tindakan semua agensi yang berwajib serta diberi peruntukan kewangan mencukupi bagi peningkatan ekonomi masyarakat ini. Kalau terdapat tanggapan bahawa Orang Asli adalah semata-mata tanggungjawab agensi Jabatan Orang Asli, tanggapan ini harus dianggap sebagai meleset dan tidak praktikal dan semata-mata menolak tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Sehubungan dengan **itu**, saya melalui Dewan ini sangat-sangat mengharapkan simpati dan tindakan positif semua pihak ke arah mewujudkan integrasi masyarakat dan seperti yang diutara mewujudkan Malaysia yang penyayang atau, dengan izin, caring society, seperti disarankan oleh Dato' Paduka Daim Zainuddin, Menteri Kewangan dalam pembentangan Belanjawan 1991.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1991. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat **Jen.** Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali.

4.21 **ptg.**

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd, Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya berdiri ingin menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1991. Sebelum **itu**, saya fikir ada juga kaitannya dalam saya menghuraikan dengan ringkas sahaja pandangan ikhlas saya terhadap Perang Teluk.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Perang Teluk ini sepertimana yang diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia **ini**, saya rasa perlu untuk kita bersama-sama memberi pandangan yang wajar, demi untuk menyokong pendirian negara kita. Saya juga percaya dan yakin hujah-hujah yang telah dan akan disampaikan oleh Yang Berhormat Senator-senator dan juga Yang Berhormat Menteri-menteri kita yang sedia ada di Dewan yang mulia ini dapatlah kita semua membayangkan dan menekankan perkara yang baik dan manfaat kepada negara kita khususnya dan dunia amnya. Maksud saya, adalah tidak rugi, malah wajib kita semua berdiri teguh di atas yang benar.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya huraikan dengan ringkas berkenaan dengan perkara ini adalah pandangan saya yang ikhlas dan berpandu kepada apa yang ternyata melalui media massa yang ada di negara kita, seterusnya juga berpegang kepada kata-kata hikmat yang berbunyi: 'Bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi'. Begitu juga pergaduhan timbul tidak dengan perseorangan, dengan izin, it takes two to make a quarrel. Di sinilah saya ingin mulakan pandangan saya terhadap Perang Teluk **ini**. Puncanya kita semua telahpun mengetahui, daripada 2hb Ogos, 1990 masuknya tentera dari Iraq ke Kuwait. Sesungguhnya merampas harta negara orang itu salah, tetapi saya percaya berlakunya kejadian itu mesti ada dengan sebab-sebabnya. Hutang-piutang, peningkatan harga minyak oleh pihak yang tertentu dan yang berkenaan, syak menipu menyedut minyak, merebut kuasa kepunyaan minyak, adalah juga sebab-sebab penting yang menyebabkan pergolakan Perang Teluk itu.

Ekoran dari itu juga petanda bahawa Amerika Syarikat berhasrat menguasai kekayaan minyak di rantau Teluk itu. Mereka juga berasa bimbang kekuatan Iraq dengan alat-alat perangnya yang begitu kuat. Perlindungan mereka terhadap Israel pun boleh juga diperkirakan dalam pergolakan ini. Mungkin juga ada kaitan sedikit-sebanyak kedudukan ekonomi negeri mereka yang merosot dan tamatnya perang sejuk ataupun cold war, dengan izin, sebagai salah satu faktor kontribusi terhadap Perang Teluk itu.

Pendek kata, pergolakan Perang Teluk itu bukanlah hanya oleh sebab pencerobohan orang Iraq ke Kuwait sahaja, malah berpuluh-puluh sebab-sebab, kalau hendak dikira panjang dan pendek meletusnya perkara yang tidak diingini itu, Saya tidak bercadang untuk menerangkan dengan panjang lebar punca pergolakan yang saya huraikan tadi, oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat semua terlebih maklum.

Dari itu, yang penting pada hemat saya ialah mengetahui sebab-sebabnya dan lebih penting lagi implikasi Perang Teluk itu terhadap negara kita khususnya dan dunia amnya. Implikasi-implikasi dari segi ekonomi, kita tidak boleh elakkan pada masa hadapan sedikit-sebanyak akan menjejaskan apa yang kita telah rancang pada tahun-tahun yang lalu, tahun hadapan. Ini akan membimbangkan kita semua. Dari segi politik juga, tentu sekali akan bertambah buruknya dan salah wasangka akan timbul dan kalau tidak dijagai, diawasi, akan timbul pula pergaduhan yang lebih hebat lagi. Alam sekitar pun telah terganggu dalam pergolakan ini. Pandangan dari satu puak ke satu puak pun akan timbul dan ini semua akan mengganggu negerinegeri yang masih membangun. Pendek kata negara yang miskin akan bertambah miskin lagi. Ini yang dikhuatirkan dan oleh keranaitulah kita semua mesti berjaga-jaga.

Apa yang telah disampaikan oleh Kerajaan kita mengenai pendirian kita itu sangat-sangat membanggakan kita oleh kerana kita tidak menyebelahi ke mana-mana pihak. Akan tetapi, ini pada hemat saya, mungkin keterangan itu tidak mencukupi untuk semua rakyat dan juga negara-negara jiran dan yang lain memahami betul-betul pendirian kita itu. Saya khuatir kalau pengetahuan itu tidak jelas pada mereka, nanti ini akan mendatangkan salah wasangka dan juga disadvantage, dengan izin, terhadap pembangunan ekonomi kita, perniagaan kita, perhubungan kita dan sebagainya. Saya serahkanlah kepada pihak yang berkuasa, tentu sekali saya yakin penuh dan mereka itu tentu sekali akan menyiarkan dengan seberapa boleh supaya difahami oleh semua pihak.

Dari situ, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada rancangan kita, rancangan perbelanjaan kita pada tahun 1991. Saya ucapkan setinggi tahniah kepada Menteri Kewangan dan semua pihak yang berkenaan yang telah menyiapkan perkara ini begitu baik dan sangat-sangat berguna kepada semua pihak di negara kita ini. Apa yang saya tertarik sangat ialah strateginya yang telah dibentangkan. Salah satu daripada strateginya ialah terhadap memupuk sebuah masyarakat penyayang atau, dengan izin, *acaring society*.

Strategi yang kedua yang menarik perhatian saya ialah meningkatkan penyelidikan dan pembangunan serta kemahiran tenaga kerja.

Yang pertama tadi berkenaan dengan memupuk sebuah masyarakat penyayang atau, dengan izin, a caring society. Saya telahpun menyuarkan pandangan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sekiranya a caring society sahaja ditekankan maksud kita dalam strategi itu, ini mungkin akan disalah sangka oleh sebahagian daripada rakyat kita untuk mereka sentiasa mengharapkan dari pihak Kerajaan memberi bantuan semata-mata. Jadi, saya telah mengesyorkan bukan sahaja terhadap caring society, dengan izin, bahkan dengan rugged caring society harus kita tekankan supaya negara kita, rakyat kita tidaklah bergantung semata-mata atau tidak mengharapkan bergantung kepada pemberian atau pertolongan Kerajaan sahaja.

Yang keduanya berkenaan dengan meningkatkan Penyelidikan dan Pembangunan serta Kemahiran Tenaga Kerja atau Research and Development, dengan izin. Ini sangat-sangat berguna dan telahpun menunjukkan kesannya dalam swasta-swasta yang saya ketahui. Mereka itu membelanja sebahagian besar peruntukan dalam perkara ini. Oleh kerana dengan adanya Research and Development ini, dengan izin, maka perniagaannya dan juga rancangan-rancangannya telahpun tunjuk begitu berjaya.

Jadi, kepada kita harus bukan sahaja kita tentukan tetapi harus di tekankan kepada swasta-swasta kita yang baru membangun supaya mereka itu menyediakan sebahagian daripada kewangannya dalam perkara ini. Insya Allah mereka akan berjaya sebagaimana kejayaan yang saya ketahui di negara-negara lain.

Dalam hal itu saya juga ingin di sini menyatakan bahawa sesudahnya peruntukan itu dihadkan kepada Kementerian-kementerian berkenaan, kalau boleh cara perbelanjaannya itu tidaklah tersekat. Maksudnya janganlah memberi kuasa tetapi tidak ada berkuasa pula menjalankan perbelanjaan mereka itu terhadap projek-projek mereka yang tertentu. Ataupun dalam tentera kata, kalau memberi pangkat tetapi tidak boleh memberi perintah kepada orang itu untuk menjalankan. Ini akan mendatangkan kelambatan untuk mereka itu meneruskan segala-gala projek yang telahpun dirancangkan oleh mereka.

Dari situ ingin saya membawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kepada perbelanjaan-perbelanjaan yang telahpun ditetapkan kepada Kementerian-kementerian yang saya ingin memetik di sana-sini dengan ringkas.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kepada Jabatan Perdana Menteri dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam khususnya perbelanjaan yang telah ditetapkan itu saya tidak nafikan tentu sekali akan digunakan dengan sebaik-baiknya. Apa yang saya ingin suarakan di sini ialah dari segi kekuatan pekerja di dalam Kerajaan kita ini yang mana telahpun dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri pada beberapa hari yang lalu, angkanya tidak kurang daripada 800,000 ataupun 900,000 orang dan ini telah menelan banyak perbelanjaan. Kalau bolehlah diperkecilkan angka itu dengan menggunakan konsep pekerjaan seorang itu boleh memikul dua atau tiga

orang. Akan tetapi gaji dan segala-galanya mestilah diberi dengan berpatutan.

Ini bukanlah bermakna kita mengesyorkan kita buanglah pekerja-pekerja yang begitu banyak sekarang 800,000 atau 900,000 orang itu tidak sekali-kali. Kalau kita ada pekerja-pekerja dalam Kerajaan itu, minimum accepted number, dengan izin, dan tanggungjawabnya itu kalau boleh didoublekan jadi gaji mereka itu boleh diberi gaji dua orang atau satu orang setengah. Jadi dapat juga kita menyelamatkan wang perbelanjaan itu dan digunakan kepada tempat yang lain. Ini mudah dikata tetapi susah dibuat, saya faham. Tetapi kalaulah kita bersedia untuk berbincangkan perkara ini dengan pegawai-pegawai yang pakar dalam perkara ini, mungkin dapat kita capai tujuan kita itu. Dan perkara ini saya tahu telahpun dibuat oleh Kerajaan sekali atau dua kali dahulu akan tetapi nampaknya angka pekerja itu masih begitu juga. 800,000 hingga 900,000 orang mungkin meningkat ke 900,000 lebih pekerja-pekerja. Pekerja-pekerja itu kalau ketahui yang tanggungjawab mereka itu ialah berat dan juga dihormati, diberi bayaran yang berpatutan sepertimana gaji-gaji yang dibayar dalam swasta-swasta yang berjaya, mereka itu tentu sekali akan bekerja lebih kuat lagi, dan hasilnya, dengan izin, itulah yang kita ingin dapat iaitu produktivitinya itu.

Saya minta maaf, saya bukan sekali-kali memperkecilkan pekerja-pekerja dalam Kerajaan ini, tidak. Tetapi saya ingin melihat pekerja-pekerja khususnya di dalam gelanggang Kerajaan ini dia punya excellence is something, dengan izin, kita boleh banggakan dan boleh tandingkan dengan pekerja yang lain. Itulah maksud saya. Dan saya percaya juga pekerja-pekerja kita, orang-orang kita yang handal-handal itu ada dan lebih baik lagi kalau dibandingkan daripada setengah-setengah negara yang saya tahu.

Satu lagi Kementerian ataupun pejabat yang saya ingin sentuh di sini mengikut pada Akta yang di hadapan saya ini ialah berkenaan dengan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah dan Sarawak. Pada hemat saya kalau bolehlah tanggungjawab organisasi itu ditentukan seperti juga macam Kementerian Luar Negeri. Kalau pejabat itu diberikan tanggungjawabnya dan juga perbelanjaannya yang tertentu boleh mereka itu menjalankan pekerjaannya seperti wakil kita betul dengan tujuan di antara lain merapatkan lagi perhubungan antara kita di sini dengan mereka di sana. Saya faham mereka itu semua dalam Malaysia. Itu betul. Tetapi di dalam menjalankan tugas-tugasnya itu, kita ada Federal Officer di dalam kedua-dua department itu. Tetapi nampaknyalah, di dalam pengalaman saya yang dulu itu, mereka punya power itu sangat limited, dengan izin.

Jadi, kalau diperluaskan tanggungjawab itu sepertimana yang dimainkan seperti Ambassador kita dan sebagainya, saya percaya mereka itu akan memainkan peranan yang lain dan dengan itu perhubungan kita dan segala-galanya di antara kita dengan Sarawak dan Sabah, insya Allah boleh dirapatkan lagi. Itu maksud saya dan kalau begitu tentu sekali wang yang dihadkan itu harus ditambahkan. Pegawai-pegawai yang dipilih bekerja di situ pun harus pegawai yang "A", yang "No.1", "Excellent" punya pegawai untuk menjalankan tugas itu dan insya Allah, mereka itu tentu sekali dapat mencapai matlamat yang kita ingini.

Satu lagi Kementerian yang ingin saya sentuh di sini ialah berkenaan dengan Jabatan Arkib Negara dan juga Muzium Negara. Peruntukannya telahpun disediakan dan saya percaya kalau hendak tanya cukup atau tak cukup, tentu sekali tak cukup kepada mereka. Apa yang saya ingin sentuh di sini ialah berkenaan dengan Muzium Negara. Saya telahpun menyuarakan harapan saya sebagai bekas tentera supaya satu Muzium Pasukan Keselamatan didirikan juga dengan harapan Muzium Negara juga dapat memimpin cara manakah Muzium ini harus dibinakan. Dengan adanya Muzium Pasukan Keselamatan, saya ingat risalah-risalah dan juga history Pasukan Keselamatan kita, Polis dan Tentera khususnya tidak dilupai oleh anak-anak kita pada hari yang kemudian dan penghormatan kita dapat juga kita tayangkan kepada rakyat jelata di negara ini.

Kementerian lagi satu yang menjadi favourite saya ialah Kementerian Pertahanan. Saya gembira di atas lokasinya " iaitu sebanyak \$2.5 bilion. Sepertimana rakan saya Yang Berhormat semalam pun ada sebut, betapa pentingnya Kementerian ini dihadkan wang-ringgit yang patut ditetapkan, akan tetapi peranan yang dimainkan oleh Pasukan Angkatan Tentera itu, mahupun Tentera Darat, Laut dan Udara adalah diharapkan kerana kepada merekalah kita semua bergantung di atas keselamatan negara ini dari segi ancaman, bahawa segala latihannya, segala alat-alatan dan sebagainya hendaklah secocok dengan peranan yang diharap meeka itu memainkan dengan sebai-baiknya.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, panjang lagi?

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:
Lebih kurang 5 minit lagi, bolehkah Yang Berhormat?

Tuan Adam bin Kadir: Empat minit lagi, sampai jam 4.45 petang.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:
Baiklah, terima kasih. Berkaitan dengan itu, saya ingin menonjolkan juga betapa pentingnya Pasukan Simpanan Tentera Darat. Ada rancangan, saya percaya, telahpun dibuat tetapi belum dapat lagi diselenggarakan iaitu pada masa dahulu semasa saya di sana, dirancangkan tiap-tiap satu anggota Angkatan Tentera yang tetap, kita adakan tiga orang di dalam Pasukan Simpanan Tentera Darat. Maksudnya dengan adanya Pasukan Simpanan Tentera Darat ini mungkin perbelanjaannya tidak begitu banyak dan juga sekiranya ada kecemasan ataupun peperangan, dengan cepat dapat kita mengadakan tentera tambahan kita. Itu yang dimaksudkan oleh saya pada waktu itu dan saya percaya sekarang ini sedangpun diberi perhatian. Adalah harapan saya supaya perkara ini dapat dipercepatkan.

Juga tidak ketinggalan apa yang penting ialah dari segi gaji dan elaun mereka itu. Gaji Pasukan Tentera Itu tidak dapat kita ukurkan berapakah mereka harus dapat dibandingkan dengan kakitangan lain. Ini soal banding-banding, saya ingat tidak harus dibuat. Anggota tentera itu dianggapkan sebagai pekerja 24 jam. Bila-bila masapun dikehendaki, mereka mestilah bersiap sedia, Jadi, saya ingat mereka itu harus dan patut sangat diberikan perhatian

yang berat, yang serius supaya gaji mereka itu adalah mencukupi, agak lumayan oleh kerana tanggungjawab mereka itu sangat berat dan juga luar biasa. Mereka juga adalah di bawah tadbiran Majlis Angkatan Tentera, ada dia punya Akta sendiri. Itulah perbezaan utamanya. Jadi, kalaulah satu-satu perkara itu ditonjolkan oleh Kementerian Pertahanan untuk Angkatan Tentera, diharap jugalah pihak yang berkaitan tidak membanding-bandingkan iaitu kalau dinaikkan gaji tentera, gaji orang lainpun hendak dinaikkan juga. Itu yang menjadi maksud saya, bukan saya kasihan kepada mereka itu tetapi mereka itu selalu diingatkan apabila ada kecemasan.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat ada seminit lagi.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Jadi, inilah yang saya hendak mengambil peluang, menekankan perkara ini. Saya tidaklah ingin hendak memberi apa-apa ulasan kepada Kementerian yang lain, hanya menyokong apa yang telah ditetapkan oleh pihak yang berkuasa di atas Rang Undang-undang **ini**. Dengan **itu**, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak yang berkenaan yang telah menyiapkan Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Puan Hajah Rogayah.

4.45 ptg.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun

1991 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu dan apa-apa jumlah wang lain yang telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan, Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin di mana semasa dalam tugasnya, bukan sahaja berjaya membentangkan 7 kali Belanjawan negara dengan memuaskan, malahan beliau berjaya memulihkan dalam bab kelumpuhan ekonomi dan membendung inflasi di negara kita. Dan kita mengucapkan selamat maju-jaya kepada beliau sebaik sahaja beliau kembali ke bidang keusahawanan untuk membangunkan sebuah empayar bumiputera yang boleh dibanggakan.

Menyentuh Maksud Bekalan B.14, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, diperuntukkan sebanyak \$54,565,000 iaitu satu jumlah yang agak besar dengan peruntukan tambahan khususnya kepada Maksud B.15 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa sebanyak \$10,460,800, yang mana Jabatan ini terlibat secara langsung dalam menyusun-atur kepada pembangunan sesuatu kawasan yang akan diperbandarkan atau menyusun semula satu-satu bandar dan desa.

Sukalah saya mengesyorkan supaya dilaksanakan penghapusan, dengan izin, Rent Control Act, bagi mewujudkan penempatan tempat-tempat perniagaan kepada mereka yang tidak berkemampuan dan berkesempatan untuk bersaing dengan peniaga-peniaga yang sudah established khususnya bumiputera bagi mengembang dan meningkatkan pemesatan satu-satu pembangunan bandar ke arah mencerminkan masyarakat berbilang kaum di negara kita.

Menyentuh Maksud Bekalan B.19 di bawah Kementerian Pertanian, oleh kerana saya datang dari negeri Kelantan yang baru sahaja jatuh

kembali ke tangan PAS, walaupun ada kalangan yang ingin supaya mereka diiktiraf sebagai Kerajaan APU yang telah 4 bulan berkuasa, yang sudahpun mula membuat pendaftaran selama dua-tiga hari untuk memberi baja dengan dikenakan bayaran \$3.00. kepada setiap beg yang beratnya sebanyak 16 kilogram kepada lebih kurang 17,000 petani sahaja iaitu yang mendaftar. Ini bermakna, tidak sampai satu-perempat daripada petani yang pergi mendaftar atau berkesempatan untuk mendaftar bagi tujuan mendapatkan bekalan baja. Oleh kerana musim membaja padi sudah sebulan berlalu, saya mengharapkan kepada pihak Kementerian Pertanian ini yang akan menyalin ataupun menukar bungkusan baja seperti yang dijanjikan dengan beg berlambang Dacing dapatlah dilaksanakan dengan segera melalui proses saluran penyelarasan Kerajaan Persekutuan yang ditempatkan di Kota Bharu. Kerana kalau pembahagian baja disegerakan oleh pihak Kementerian Pertanian, rakyat Kelantan akan segera dapat membezakan, baja dari Kerajaan Persekutuan bercap Dacing dengan berat 20 kilogram diberi percuma kepada masyarakat tani yang rata-rata miskin.

Sesungguhnya rakyat Kelantan tidak menolak Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, tetapi susah untuk menolak setengah pemimpin-pemimpin yang terlampau lantang dan bijak berpidato, yang suka bermusuhan sesama sendiri dan menggunakan kuasa, menekan dan bermusuhan dengan pegawai-pegawai Kerajaan, tidak menyokong kenaikan-kenaikan pangkat mereka, menukar mereka termasuk guru-guru dengan sewenang-wenang jika tidak boleh akur dengan selera pemimpin itu.

Walaupun keakuran itu untuk menyokong pemimpin-pemimpin tertentu, pemimpin yang memungkinkan untuk menjaga kepentingan peribadi dan golongan mereka memusnahkan keutuhan parti dan Kerajaan Barisan Nasional sendiri kerana kepintaran menutup kelemahan diri dengan mengalih pandang, memfitnah rakan seperjuangan. Akhirnya, terlampau banyak diberi keyakinan suara-suara awas yang ikhlas oleh sebahagian pemimpin tidak boleh didengar lagi. Akibatnya, bukan salah ibu mengandung tetapi salah permintaan badan sendiri. Akhirnya, kita hilang segalanya di Kelantan.

Hari ini kita bersyukur di atas kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad untuk mengambilalih kepimpinan negeri Kelantan dan mengharapkan supaya satu post-mortem dapat dibuat di seluruh bahagian, perbetulkan kepintangan di dalam parti sendiri, khususnya diberi kursus kepada pemimpin-pemimpin yang tidak tahu menghormati orang kerana akibatnya orang ramai atau rakyat tidak akan menghormati parti yang dipimpinnya.

Dengan rasa kesedaran betapa ruginya kita untuk terus menari dengan gendang sumbang yang akan menghancurkan rakyat Kelantan untuk kedua kalinya. Ditimpa kemelesetan dan begitu jauh ditinggalkan dalam segala corak pembangunan sedangkan di sana rakyat bergelar bumiputera 90% sebagai penghuninya lambat diberi bantuan sanggup bangun untuk berdikari dan berusaha dalam apa bidang sekali pun. Dengan itu, marilah kita memberi peluang sekali lagi kepada rakyat Kelantan untuk mengenal ertinya hakikat dan kenyataan hasrat sebenar Kerajaan Barisan Nasional untuk membangunkan dan membantu supaya

supaya mereka boleh digembelinkan dan meningkatkan penghasilan, apatah lagi para petani sendiri yang dapat memberi sumbangan ke arah penghasilan tani yang boleh juga diibaratkan mengurangkan pengimportan hasil-hasil tani ke negara kita. Kementerian Pertanian adalah disyorkan supaya menghidupkan semula" kelas-kelas pembangunan tani yang dilancarkan sedikit masa dahulu yang mana merupakan satu pendekatan dan peningkatan yang menggalakkan.

Saya ingin menyentuh kepada B.25 yang bertajuk di bawah Kementerian Pertahanan dan saya suka untuk menyokong saranan yang dibuat oleh wakil bekas perajurit, Yang Berbahagia Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd, Ghazali bin Dato' Mohd. Seth yang mana oleh kerana memandangkan hari ini hampir 3,000 anggota Tentera "absent without leave", dengan izin, maka satu post-mortem ataupun satu kajian perlulah diberi perhatian ke arah pembangunan anggota Tentera ini kerana kalau mereka ini berpuas hati untuk berkhidmat dan berpuas hati diberi layanan yang sempurna, kemungkinan benda-benda ini tidak terjadi. Untuk itulah saya rasa Kerajaan perlu menyusun semula ataupun penyelarasan gaji dikaji semula bagi anggota Tentera dan Polis.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

4.55 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan 1991 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum, Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun diterima oleh rakyat mahupun golongan berada ataupun golongan yang kurang bernasib baik.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Pilihanraya Umum telahpun selesai, Yang Berhormat Menteri telahpun membentangkan satu Belanjawan yang diterima oleh semua rakyat. Ini menunjukkan Kerajaan ini bukanlah satu Kerajaan yang beri satu Belanjawan semata-matanya untuk Pilihanraya Umum. Oleh sebab itu, saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, 'kita sedia maklum semua rakyat mahupun golongan terpelajar ataupun golongan tidak terpelajar harus dapat penerangan.' Dalam hal ini, Kementerian Penerangan adalah satu agensi Kerajaan yang sentiasa memainkan peranan penting untuk menyebarkan penerangan kepada orang-orang awam. Saya ucapkan syabas kepada Kementerian Penerangan.

Kementerian Penerangan adalah satu agensi apabila menerima satu-satu teguran daripada orang-orang individu ataupun daripada badan-badan berkenaan, mereka terima teguran itu dengan hati yang terbuka dan mereka membetulkan sekiranya orang ramai tidak menerima satu-satu program ataupun satu-satu cadangan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih berkenaan dengan TV3. TV3 ini - Menteri Penerangan kata ini adalah satu badan persendirian. Beliau tidak ada kuasa tetapi saya sedia maklum beliau ada kuasa apabila ada sesuatu rancangan tidak sesuai ataupun menjejaskan kepada orang awam, beliau boleh campurtangan.

Saya baca satu berita baru-baru ini di dalam **New Straits Times** pada hari ini bahawa oleh sebab TV3 menayangkan gambar Tamil pada hari Isnin pukul 11.00 malam, 30% pekerja-pekerja ladang tidak hadir untuk kerja pada hari Selasa. 30%, Tuan Yang di-Pertua, bukan main! Ini akan mengurangkan produktiviti negara.

Saya telah bangkitkan perkara ini di dalam Dewan ini apahila mereka menayangkan gambar Tamil pada hari Khamis pukul 2.30 petang. Tiada teguran daripada badan-badan keturunan India. Mereka tukar kepada pukul 11.00 malam. Saya tahu mereka akan menyatakan ada rancangan-rancangan lain pun ditayangkan pada larut malam. Maklumlah, ini golongan berpendapatan kecil. Rekreasi mereka, hiburan mereka bergantung kepada program-program televisyen. Apa salahnya? Ini sudah ada satu teguran daripada NUPW/ (Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang) telahpun keluar satu kenyataan bahawa 30% pekerja-pekerja ladang ponteng kerja pada hari esok kerana tayangan gambar Tamil. tamat pada pukul 2.00 pagi.

Tuan AdambinKadir:YangBerhormat,orangIndiatengokwayang untuk satu rekreasi. Ada rekreasi lain? **[Ketawa]**

Tuan C. Krishnan: Memang ada rekreasi lain. Mungkin selepas pukul 2.00 pagi tidak dapat dijalankan. **[Ketawa]** .Ini akan mengurangkan "family planning" pun. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh-sungguh berharap dan menyeru kepada pihak TV3 "buka telinga, buka mata". "Buka mata" dan menerima teguran dengan hati yang ikhlas dan baik supaya tayangan wayang gambar Tamil ditukarkan kepada satu masa yang sesuai. Ini adalah satu rayuan dari Dewan yang mulia **ini**. Saya berharap mereka akan mengambil teguran ini ataupun cadangan ini untuk menukarkan masanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyentuh banyak perkara kerana ramai sahabat-sahabat saya hendak berucap. Saya cuma hendak timbulkan satu perkara yang saya telah timbulkan di dalam Dewan **ini**, sudahpun lima tahun, **tetapi** saya tidak bosan. Saya harap satu hari nanti Kementerian Sumber Manusia akan buka matanya dengan terang dan dengar masalah-masalah perumahan pekerja-pekerja ladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya, kurang faham. Konsep perumahan pekerja-pekerja ladang ini mungkin pegawai-pegawai buruh ataupun pegawai-pegawai Kementerian Sumber Manusia tidak faham. Ini adalah satu konsep yang digubalkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak semasa beliau menjadi Perdana Menteri, supaya pekerja-pekerja ladang mesti dibawa di dalam mainstream of development, dengan izin. Oleh sebab itu beliau telah menubuhkan satu tabung khas untuk pekerja-pekerja ladang dan lombong.

Daripada tahun 1976 hingga sekarang cuma 17 skim sahaja dapat dilaksanakan. Majikan-majikan estet itu enggan melaksanakan rancangan **ini**. Pegawai-pegawai dari Kementerian Sumber Manusia harus mengambilkira konsep dengan telitinya supaya jumpa dengan gudang-gudang besar seperti Permodalan Nasional Berhad, Sime Darby, Harrisons Plantation dan lain-lain plantations yang besar supaya menjalankan skim perumahan pekerja-pekerja ladang. Dari segi itulah ladang kita boleh memelihara pekerja-pekerja ladang agar mereka akan membawa produktiviti yang lumayan kepada negaranya.

Saya difahamkan 1.8 juta rakyat Malaysia terlibat di dalam bidang pertanian dan daripada eksport getah dan kelapa sawit kita

dapat foreign exchange. Oleh sebab itu, kita harus memelihara kebajikan pekerja-pekerja ladang. Saya difahamkan bapa-bapa Menteri kata disebabkan kurang pekerja-pekerja ladang, terpaksa dibawa pekerja-pekerja ladang daripada Bangladesh, daripada Indonesia dan dari negeri-negeri jiran. Sekiranya bagi-bagi pekerja-pekerja ladang kita adakan satu skim perumahan, mereka akan menyedari "the roof is mine", dengan izin. Mereka mesti ada such a feeling. Tetapi saya difahamkan pegawai-pegawai daripada Kementerian Sumber Manusia mengabaikan dan tidak mengambilkira konsep ini. Oleh itu saya merayu kepada Kementerian Sumber Manusia supaya selaraskan aktiviti mereka dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya skim ini dapat dijalankan dengan lancarnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang akhirnya mengenai Kementerian Pendidikan. Tempat dari mana saya datang adalah kawasan pendalaman iaitu Sungai Pelek, Sepang. Di situ terletak sebuah sekolah dengan muridnya lebih daripada 1,000 tetapi 1/3 guru-guru di situ adalah guru-guru sandaran, guru-guru semcutara. Sehingga hari ini tidak ada Guru Besar kecuali seorang Penolong Kanan sahaja. Penolong Kanan itupun sangat sibuk, dia kena hadir mesyuarat beberapa mesyuarat di peringkat daerah dan di peringkat negeri. Saya difahamkan bahawa bagi Tingkatan Empat masih tidak ada guru Bahasa Malaysia. Macam- mana kanak-kanak kita boleh mencapai kemahiran di dalam Bahasa Malaysia? Saya sungguh-sungguh berharap pegawai-pegawai daripada Kementerian Pendidikan akan pergi ke Sungai Pelek yang tidak jauh daripada Kuala Lumpur, dan boleh sampai dalam

masa satu jam sahaja melalui kereta, kerana keadaan di situ adalah sangat-sangat teruk. Saya sungguh-sungguh berharap supaya masalah ini dapat diselesaikan oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan satu pengumuman yang dibuat oleh Menteri Kewangan kita iaitu dia akan mengharamkan samsu yang halal. Samsu yang halal dijual di dalam plastik. Ini adalah satu pengumuman yang kita sambut baik, kerana anak-anak kita jadi penagih samsu halal yang dijual di dalam plastik. Walaupun kita hilang cukai, tidak apa. Ini adalah satu tindakan yang harus kita puji dan saya mengalu-alukan kerana Kementerian Kewangan telahpun mengambil satu tindakan yang berani. supaya mengharamkan samsu yang dijual di dalam plastik.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong.

5.08 ptg.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk membahaskan satu Rang Undang-undang iaitu Belanjawan 1991. Akta ini telah dibahaskan oleh rakan-rakan Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini selama tiga hari dan beberapa pandangan yang jauh, fikiran yang matang, dan begitu luas telah disumbangkan dan dihulurkan untuk membuat tuning atas Akta ini demi kepentingan rakyat jelata khasnya dan keseluruhan negara amnya.

Kerajinan, kecekapan, tingkahlaku yang baik Yang Berhormat-Yang Berhormat telah menunjukkan bahawa Dewan ini bukan lagi 'rubber stamp' Kerajaan yang selalu dicemarkan oleh segelintir anasir-anasir yang niat jahat. Sebenarnya Dewan ini sentiasa memainkan peranan yang penting untuk meneliti satu demi satu Akta, usul-usul dan hujah-hujah untuk tnenghuraikan cogankata Barisan Nasional 'Tradisi Membela Rakyat'.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Menteri Kewangan, Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin dan Timbalan Menterinya, Dato Loke Yuen Yow yang ada di hadapan saya tadi, kerana telah merancangkan satu Belanjawan yang begitu baik dan dinamik, yang jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dengan hasratnya sentiasa memelihara, sentiasa melindungi, sentiasa menjaga kepentingan rakyat jelata dari masa ke semasa dan bukan sepertimana selalu didakwa dan sengaja diputarbelitkan oleh parti Pembangkang terutamanya parti PAS dan DAP. Konon kata Kerajaan Barisan Nasional memberi janji-janji untuk memancing undi pada masa pilihanraya sahaja. Tetapi kali ini pengumuman Belanjawan tahun 1991 adalah dibuat sebaik sahaja lepas Pilihanraya Umum. Apakah parti Pcmbangkang hendak cakap lagi, lebih-lebih lagi bangkang di mulut setuju di hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan yang mulia ini ingin membangkitkan beberapa usul dan hujah supaya Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan menitikberatkan dan mengambil tindakan yang sewajarnya demi kepentingan bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius atas pembangunan dan kemajuan pendidikan negara. Belanjawan tahun ini telah diperuntukkan sebanyak \$200 juta untuk pembinaan sekolah dan maktab-maktab. Jadi, saya mengambil kesempatan ini menyeru pihak Kementerian Pendidikan agar dapat memberi perhatian yang sama berat kepada pembangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di kawasan pekan, kampung-kampung dan ladang-ladang. Saya percaya tiada siapa yang akan menafikan bahawa masih banyak lagi bangunan sekolah SRJK(C) yang ditubuhkan pada tahun 1930an atau 1940an itu sudah usang dan bahaya digunakan.

Selama ini, penduduk-penduduk tempatan telah membuat berbagai aktiviti untuk membaiki bangunan yang usang ini. Usaha mereka adalah terhad, tambah pula penduduk di pekan kecil, kampung-kampung dan ladang-ladang ini mempunyai kehidupan yang sederhana, maka kemampuan menderma itu adalah terhad. Masalah bangunan sekolah ini bertambah serius kebelakangan ini kerana ada pertambahan murid-murid di sekolah itu.

Sebagai contoh, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Chiew Wen, Bahau, Negeri Sembilan telah mempunyai 1,620 orang murid manakala bangunan sekolah masih sama seperti tahun-tahun yang lalu. Ini telah menimbulkan kesesakan dalam kelas dan juga ruang persekolahan. Apabila bangunan sekolah ditambah untuk menampung tambahan murid, maka padang sekolah menjadi mangsa dan sehingga sekarang banyak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) tidak ada padang sekolah

atau kawasan yang sesuai untuk matapelajaran pendidikan jasmani, apatah lagi aktiviti ko-kurikulum.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi cadangan kepada Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah yang serius yang dihadapi oleh SRJK(C) ini:

- (a) SRJK(C) mempunyai murid lebih daripada 1,000 orang harus dikenalpasti dan menggalakkan mendirikan sekolah cawangan atau sekolah alternatif bagi murid-murid yang ramai ini.
- (b) Mendirikan sekolah jenis SRJK(C) di taman perumahan kampung Cina atau bandar untuk menampung tambahan penduduk kawasan itu. Saya rasa langkah yang diambil oleh pihak FELDA dalam menyediakan kemudahan persekolahan harus diberi kepujian.
- (c) Kerajaan harus memberi keutamaan dalam memproses permohonan tanah Kerajaan untuk kegunaan pembangunan sekolah. Kelewatan meluluskan kegunaan tanah ini akan menyekat proses pembangunan dan kemajuan sekolah itu. Masalah ini telah dihadapi oleh SRJK(C) Bahau, Negeri Sembilan di mana sekolah ini telah memohon sekeping tanah Kerajaan untuk kegunaan padang sekolah itu. Sampai hari ini tidak ada jawapan dari pihak JPM dan pihak sekolah itu tidak menjalankan ko-kurikulum dengan sempurna.
- (d) JPM harus menetapkan jumlah bantuan tahunan alat-alat keperluan sekolah seperti kerusi meja, alat-alat pejabat, kemudahan ko-kurikulum, buku-buku teks atas skim pinjaman buku dan lain-lain lagi.

Ketetapan ini tidak boleh dipindahmilik kepada sekolah lain atas alasan yang tidak munasabah. Selain itu, adalah tanggungjawab JPM memaklumkan kepada guru besar sekolah tertentu tentang ketibaan peruntukan alat-alat buku teks atau peruntukan pembangunan yang lain yang telah disediakan untuk sekolah itu.

- (e) Akhir sekali, saya rasa tibalah masanya Kerajaan mengkaji sama ada istilah bantuan modal dengan bantuan penuh. Pada hemat saya, sekiranya pendidikan itu adalah bertujuan membentuk ilmu dan melahirkan insan yang soleh dan semua bahasa dan ilmu itu berasal dari satu - iaitu ilmu Tauhid. Jadi, kita sebagai pihak yang berkuasa tidak seharusnya membezakan dan diasingkan istilah penyediaan kemudahan persekolahan ini. Apakah cacatnya sekiranya semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan itu diberi bantuan sepenuhnya, tambahan pula keadaan ekonomi negara seperti dalam Belanjawan 1991 sudah bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini masih terdapat ramai guru semencara di SRJK(C). Kehadiran guru sementara memang boleh membantu pembelajaran dan pengajaran di sekolah, tetapi mobiliti guru-guru ini amat tinggi. Kita tidak boleh menyalahkan mereka kerana guru sementara ini ingin mencari kerja yang lebih terjamin dan tetap. Keadaan ini akan menjejaskan pengajaran dan pembelajaran murid. Kekurangan tenaga mengajar yang mahir di sekolah ini mungkin bertambah serius apabila had umur bersara dikurangkan.

Sebagai langkah mengatasinya, saya mencadangkan bahawa Kursus Dalam Cuti (KDC) untuk guru-guru sementara di SRJK(C) ini diwujudkan semula. Cara ini boleh dikatakan sebagai langkah 'serampang dua mata' kerana ia dapat mengatasi masalah guru sementara dan kekurangan tenaga mengajar di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan KDNK pada tahun 1990 adalah 9.5% dan atas usaha Kerajaan yang gigih pada tahun 1991 ini, nescaya peratusan ini akan lebih tinggi lagi. Perkembangan ekonomi yang pesat ini akan mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Sikap memilih kerja, kekurangan maklumat pekerjaan dan keengganan bergerak menimbulkan kekurangan tenaga buruh di sektor pertanian khususnya ladang kelapa sawit dan ladang getah.

Keadaan ini juga merupakan faktor menarik kepada pemindahan tenaga buruh negara jiran ke Malaysia. Keadaan ini saya rasa sudah sampai ke peringkat yang genting. Sebagai contoh, boleh dikatakan lebih 90% pekerja ladang-ladang di kawasan Keratong, Pahang adalah terdiri daripada buruh haram. Kumpulan ini sudah mulai menggugat kepentingan buruh tempatan. Pihak Kerajaan harus mengambil tindakan mengatasi isu buruh haram negara asing ini. Saya mencadangkan bahawa semua buruh haram ini didaftarkan dan diberi identiti sementara sebagai tujuan dokumentasi dan tunjukdiri dalam pengurusan kebajikan. Pendaftaran ini harus dihadkan kepada tempoh tahun sahaja dan selepas meneliti prestasi dan sokongan majikan, maka pendaftaran baru diadakan kepada seseorang buruh haram ini. Saya rasa cara pendaftaran buruh ini dapat mengawal imigrasi buruh haram, mengesan kegiatan jenayah dan jenis aktiviti yang mereka lakukan di Malaysia. Secara tidak langsung juga dapat menyekat kemasukan buruh haram ini ke Malaysia.

Susulan ini, izinkan saya mengemukakan masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil di kawasan saya. Pekebun-pekebun kecil kawasan saya, iaitu Jempol telah lama memohon kepada RISDA untuk menanam semula pokok-pokok getah mereka. Permohonan ini telah dikemukakan kepada pejabat berkenaan lebih daripada dua tahun. Kini pokok-pokok getah tua itu sudah habis ruang menoreh dan susu sudah berkurangan, tetapi surat kebenaran tanam semula itu masih tidak kelihatan.

Keadaan ini amat mengecewakan dan saya sebagai wakil mereka merasa amat sedih atas perkara ini, apakah susahnya untuk menuliskan surat membenarkan empunya pekebun kecil menanam semula, bantuan tanam semula itu adalah peruntukan yang dikhaskan kepada mereka dan jumlah wang itu dikutip dari pekebun kecil itu sendiri, ini pihak Kerajaan hanya pulang balik kepada mereka apa yang telah disimpan dalam peti Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan di sini bahawa pihak berkenaan harus mengambil tindakan yang segera dan serius supaya tidak menjejaskan nafkah hidup pekebun kecil dan kesulitan keluarga mereka. Saya juga mendengar khabar bahawa pekebun kecil yang mempunyai keluasan ladang yang melebihi, 10 ekar itu akan menghadapi permohonan tanam semula ini di lewat-lewatkan. Sekiranya ini benar, maka saya rasa ini adalah kegiatan yang tidak sihat dalam jabatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional telah diberi mandat sekali lagi untuk memerintah negara, ini membuktikan bahawa rakyat menaruh harapan kepada Barisan Nasional untuk membawa lebih banyak pembangunan dan kemajuan negara. Salah satu unsur kemajuan dan pembangunan kawasan adalah isu pengangkutan dan rangkaian jalan raya yang sempurna. Rangkaian jalan yang lengkap, pantas dan sempurna akan membawa hasil pengeluaran dengan cepat dan pantas. Pemindahan modal dan migrasi buruh, informasi perniagaan dan lain-lain lagi dapat disampaikan ke satu-satu destinasi dengan

cermat dan pantas. Kemudahan dan keadaan yang dinyatakan tadi tidak wujud di kawasan Jempul. Jalan yang menghubungi bandar Seremban ke Bahau masih melalui jalan yang sempit dan bengkok-bengkok, khasnya kawasan Bukit Putus. Mungkin nama bukit itu putus, maka jalan raya itu terpaksa dikekalkan dengan bengkok. Bagi penduduk tempatan, jalan ini telah menjadi kelaziman mereka, apatah lagi menarik pemodal asing, pelancongan dalam unsur pembangunan ekonomi di kawasan Jempul ini. Saya metnohon JKR dan juga Kerajaan Pusat dapat melebarkan jalan ini serta kalau boleh luruskan jalan di Bukit Putus itu supaya tidak putus-putus lagi mungkin adakan dua, tiga terowong di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu keadaan binatang yang terbiar di sepanjang jalan raya Negeri Sembilan juga menimbulkan masalah kepada pengguna jalan raya. Pada tahun 1990 terdapat 65 kes kemalangan jalan raya dan 44 daripada kes ini adalah atas sebab gangguan binatang terbiar ini. Jika pengguna jalan raya ini bertolak dari Seremban ke Kuala Pilah, ke Bahau pada waktu malam akan menemui lebih daripada 10 kumpulan kerbau dan lembu di sepanjang jalan **ini**. Saya berharap pihak Jabatan Haiwan dan juga pihak tertentu dapat bertindak dengan segera, saya mencadangkan bahawa:-

- (a) Kawasan ragutan yang lebih luas disediakan dan jauh dari jalan raya;
- (b) Semua binatang terbiar harus dikurangkan dan empunya perlu didenda atas kelalaian.

Tuan Adam bin Kadir: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Choog Chi Siong: Sedikit lagi, minta tambah 10 minit.

Tuan Adambin Kadir: Jangan lama sangat fasal ramailagiyang hendak bercakap. Kira-kira dalam tiga minit lagi '

Tuan Chong Chi Siong: Secepat mungkin. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ucap terima kasih kepada Kementerian Penerangan kerana menyediakan program TV yang begitu menarik dan berkualiti untuk Tahun Baru Cina. Rata-ratanya kaum Cina merasa amat bertuah dan gembira atas program TV tahun ini dan menambahkan kemeriahan Tahun Baru Cina ini. Walaupun kecacatan terdapat dalam TV3 di mana tiada berita dalam bahasa Mandarin, namun saya percaya parut ini akan sembuh dengan rapi dan TV3 akan membawa kegembiraan dan senyuman yang lebih bermakna untuk Tahun Kambing ini. Keadaan ini juga secara tidak langsung telah menyampaikan sedikit sebanyak mesej kepada Menteri Pertahanan tentang persoalan apakah keperluan kaum Cina. Saya rasa mereka mudah dibawa bersama dan senang dipujuk, mereka hanya inginkan suatu situasi dan atmosphere pekerjaan yang adil dan saksama. Mereka ingin ada dalam pentadbiran Kerajaan, Badan Berkanun dan juga pertahanan negara. Pendek kata, mereka hanya meminta dilayani sama dengan kaum lain dan dihormati sebagai bangsa Malaysia. Saya rasa tibalah masanya pihak Kerajaan memikirkan tentang perkhidmatan negara, national service, dengan izin. Langkah ini amat penting untuk mengasuh dan mendisiplinkan generasi muda ke arah visi dan harapan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$995 juta bagi membina 6 buah hospital daerah. Perkhidmatan kesihatan ini amat penting dalam pembangunan daerah. Saya rasa amat kesal kerana daerah Jempol yang mempunyai 80,000 penduduk tidak

mempunyai sebuah hospital daerah. Pada masa ini hanya terdapat sebuah pusat kesihatan sahaja. Pada Mesyuarat Tindakan Daerah, isu ini telah hangat dibahaskan. Saya selaku salah seorang ahli dalam majlis ini diarah menyuarakan perkara ini dalam Dewan yang bahagia ini. Sebenarnya, tapak hospital ini telah disediakan di Bandar Baru Serting tetapi hanya menunggu projek ini dijalankan atas tapak itu. Saya berharap pihak berkenaan dapat mengambil bahagian terhadap perkara ini dan dapat memberi alasan yang kukuh atas isu ini.

Tuan Adan bin Kadir: Seminit lagi.

Tuan Chong Chi Siong: Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang untuk mengucap dan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat keturunan Cina, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan 'Gong Xi Fa Cai.' Sekian, terimakasih. **[Tepuk]**

Tuan Adam bin Kadir: Gong Xi Fa Cai, sepatutnya dengan Ang pow sekali baru bagus. **[Ketawa]** Dijemput Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim.

5.28ptg.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyokong Rang Undang-undang suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang kepada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1991 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu dan apa-apa jumlah wang lain yang telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana telah membentangkan Rang Undang-undang ini di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara ini dengan begitu memuaskannya rakyat negara ini berbagai lapisan. Sebelum pembentangan perbelanjaan ini, pada tahun lepas kedua-dua Ahli Dewan telah dijemput oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memberikan pendapat-pendapat supaya dapat dibentangkan dalam Belanjawan 1991 ini, maka kedua-dua Ahli Dewan telah pergi, selepas taklimat dan memberikan pendapat-pendapat masing-masing maka makan tengahari.

Salah seorang yang penghabisan memberikan pendapat pada masa itu ialah saya sendiri iaitu berkaitan dengan perkara pencen balu yang telah saya sarankan beberapa tahun lalu dan saya telah menyatakan kepada Yang Berhormat Menteri, selagi tidak ada pengakuan tentang perkara **ini**, selagi saya duduk dalam Dewan Negara, maka saya akan ulang setiap tahun sampai dapat. Sudah terkenal wanita ini "sedikit kasi, banyak minta", jadi hendak minta selalu.

Oleh yang demikian, selepas saya memberikan pendapat, Yang Berhormat Menteri dengan spontan terus bersetuju di atas perkara ini dan mendapat tepukan gemuruh daripada semua Ahli. Saya pun tunggulah pembentangan Budget 1991. Walaupun saya tidak datang ke Dewan Rakyat pada hari pembentangan itu, tetapi saya tunggu di rumah mengikuti Television. Tidak disebut langsung apa yang dikehendaki itu dan telah diterima dan saya rasa curiga juga hendak menanyakan kepada Yang Berhormat Menteri pada 19 haribulan hari itu di mana ada taklimat kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan jamuan makan serta mengucapkan Selamat Berpisah. Tetapi tidak ada juga perkara itu berbangkit dan saya lihat di dalam buku ini pun tidak ada. Saya ragu-ragu, saya bangun dan terus bertanya. Jawapannya sangat menyedihkan - "tidak termasuk di dalam **ini**" dan Yang Berhormat Menteri minta maaf - "Saya tidak teringat".

Tuan Yang di-Pertua, ada pegawai-pegawai kita di.situ, tidakkah mereka mencatat, takkanlah Menteri hendak ingat semua. Tentu dia tidak ingat semua, buku yang setebal ini mana boleh dia ingat semua, dia seorang Menteri, -tentu ada catitan tetapi tidak ada diperbuat maka terlupalah Menteri. Perkara itu bukan menguntungkan saya,

bukan menguntungkan orang lain, tetapi- kita semua. Sebab kalau perkara itu diterima dan akan dilaksanakan pada tahun ini, kita semua akan menikmatinya, terutama sekali balu-balu yang akan ditinggalkan oleh suami kelak. Kerana saya minta supaya pencen balu-balu ini yang \$300 ke bawah tidak dipotong selepas dua belas tahun setengah.

Tuan Adam bin Radir; Bagaimana dengan janda?

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Ya?

Tuan Adam bin Kadir: Bagaimana dengan janda, kalau itu hanya untuk balu sahaja.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Saya kurang dengar.

Tuan Adam bin Kadir: Bagaimana dengan janda, kalau itu untuk balu, janda macam mana?

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Balu ini isteri oranglah, yang suaminya sudah mati maka dia jadi balulah, itu jandalah juga, tetapi janda ini, ada yang suaminya tidak bekerja, tidak adalah mendapat pencen, tetapi balu yang suaminya bekerja dan yang mendapat pencen, maka dia akan menerima keadaan itu. Sebabnya begitu ialah selepas dua belas tahun setengah pencen-pencen balu ini akan dipotong 30%. Kalau yang dapat \$1,000 - potong 30%, banyak lagi, tetapi kalau \$200 - \$300 - potong 30%, tinggal berapa? Kalau yang dapat \$100 - potong 30%, tinggal \$70.00. Inilah yang kita perjuangkan kerana hendak bela nasib balu. Tetapi malang sekali ini tidak tercatat dan terlupa - bukan kali pertama. Yang saya seronok sekali ia sudah diterima dengan spontan tetapi tidak tersebut di dalam ini - malang. Ini tahun yang kelima saya- di dalam Dewan

ini dan tahun depan saya akan pencen, tidak dengarlah suara ini lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya jadi Senator saya telah meminta beberapa kaum bapa memperjuangkan ini, kerana dahulu kalau selepas dua belas tahun setengah pencen ini dipotong terus daripada balu ini. Kalau suaminya mati, dia boleh terima pencen setakat dua belas tahun setengah, selepas itu dipotong terus. Kawan itu pun sudah tua, hendak menikah pun tidak boleh, pencen tidak ada, jadi minta sedekahlah. Tetapi ini adalah perjuangan seorang Senator wanita daripada Pahang yang saya beri 'tip' kepada dia, beri briefing kepada dia, supaya dia memperjuangkannya dan diperjuangkannya - dapat dua belas tahun setengah potong 30% sahaja. Itupun sudah baik nasib wanita. Wanita ini tetap pangkah dacing. Betul tidak? Dia rasa suaminya dahulu bekerja dengan Kerajaan dan apabila sudah mati pun tanggung dia lagi, Kahwin, soal kedua, tetapi ini adalah kehidupan dia - ini perjuangan. Tetapi ini tidak tercatat - sungguh mencudakitakan.

Saya bercakap kepada Yang Berhormat Menteri, katanya akan dilanjutkan perkara ini kepada Menteri Kewangan yang baru. Tidak tahulah, tetapi saya harap pada tahun ini dijalankan perkara kerana sudah ada pengakuan, walaupun tidak ada peruntukan ini. Sebab apa kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, pada sesi lepas kita tambah peruntukan dan kita luluskan peruntukan tambahan. Apa salahnya pada tahun depan kita luluskan peruntukan tambahan supaya perkara yang semacam itu terus dijalankan. Ini cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak mahu cakap banyak-banyak sebab perkara ini tidak ada siapa yang hendak sebut. Orang tahu sebab ini saya punya

subjek, maka dia pun serahkan kepada saya sahaja. Tetapi semuanya mendapat sokongan.

Lagi satu berkaitan dengan feed-back. Saya amat puji kepada Menteri Kewangan - dia sangat mengambil berat. dan dalam taklimatnya bahawa feed-back ini sangat diperhatikan.

Di dalam ucapan-ucapan di Dewan ini kelmarin ada satu berita yang sangat baik untuk diperhatikan walaupun secara gurau. Mungkin agaknya Tuan Yang di-Pertua pada masa itu tidak bertugas, tetapi ada seorang rakan saya dari Trengganu iaitu Yang Berhormat Senator Mustata yang menyarankan kepada Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Hal Ehwal Agama bahawa ada satu perkara, umpamanya, kalau menuntut hendak memutuskan - macam kalau putus ubat ataupun memberikan mandat ilmu itu kepada muridnya - dengan menggigit duit siling. Walaupun secara gurau, tetapi ini serius. Tidak pernah kita dengar selama hari ini perkara-perkara yang semacam ini. Sudahlah berkumpul 30 - 40 orang dalam gelap pula, bukannya samar-samar, tetapi duduk dalam gelap. Selepas itu hendak diputuskan ubat, gigit duit yiling di antara tok guru dengan anak murid.

Kata Yang Berhormat Tuan Mustaffa, kalau sekiranya dia dapat yang umur 20 tahun, yang gigit di sebelah sana - gigit sebelah sini seorang, gigit sebelah. sana seorang - siling 50sen itu besar, tetapi kalau 20 sen itu bertemulah bibir. . Jadi, kalau dia, katanya, memang jahanamlah [Ketawa]. Ini satu perkara yang disebut secara bergurau, tetapi feed-backnya sangat bererti kepada Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Hal Ehwal Agama. Berlaku perkara seperti ini di dalam n gara kita.

Semasa saya bertugas di Jabatan Penerangan dahulu, saya ada mendapat berita berkaitan dengan perkara yang sedemikian rupa, tetapi tidak gigit duit siling,.....

Tuan Adam bin Kadir: Gigit siling antara lelaki sama perempuan atau lelaki sama lelaki.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim; Gigit duit siling 20 sen. Ia digigit oleh tok guru, lepas itu anak muridnya yang hendak putus ubat tadi gigit pula sekerat lagi itu. Cuba, Tuan Yang di-Pertua bayangkan, bagaimana.

Tuan Adam bin Kadir: Anak murid itu lelaki atau perempuan?

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Perempuan.

Tuan Adambin Kadir: Oh begitu. [Ketawa] Itulah yang jadi isunya.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Ya. Jadi, itu perkara yang serius. Campurlah tetapi kalau kena yang perempuan, lama-lama duit syiling pun tertelan. [Ketawa] Jadi, saya dapat berita semasa saya bertugas iaitu satu kumpulan yang buat sedemikian rupa juga Bahagian Agama, tidak perempuan - lelaki sama lelaki. Tetapi jaga baik-baik, kalau ada lelaki di antara lelaki itu yang comel; esok pagi pergi hospital - berlaku ini! Tetapi kita tidak begitu serius kadang-kadang mengambilkan perkara-perkara sedemikian seolah gurau senda, seolah apa, maka berlarutan perkara itu dan tersorok ataupun tersimpan begitu rapat tidak diambil berat maka berleluasalah. Ini perkara-perkara yang ingin saya sampaikan, Tuan Yang di-Pertua.

Lepas itu, ada satu perkara yang ingin saya sentuh iaitu pegawai-pegawai yang berpakaian seragam. Kita selalu memperkatakan pihak tentera, kita selalu memperkatakan pihak polis tetapi kita terlupa polis dan tentera kalau mereka tangkap orang bubuh ke mana? Kalau kita tangkap penagih dadah, bubuh ke mana? Jabatan Penjara tanggung tetapi penjara ini tersorok, sepi, hidup sendirian. Kita dengar berita dalam suratkhbar bahawasanya Jabatan Penjara terlibat dengan pengedar dadah - besar-besar berita. Tetapi kalau bahagian lain buat tidak berbunyi. Ini kita kena ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyanan di sini, kita kenalah jaga Jabatan Penjara ini sebab dia di sekeliling orang salah. Orang yang ditahan merekalah jaga. Nasibnya kita tidak bela. Saya berani

memperkatakan, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penjara kalau bantuan buku persekolahan anak-anak mereka pun, Badan Kebajikan Jabatan itu sendirilah yang kelola. Kalau kebajikan keluarga mereka pun, maka Jabatan itu sendirilah yang tentukan. Kalau Bahagian Agama pun, Jabatan itu sendirilah yang kendalikan. Tidak ada ambil berat daripada orang lain. Lepas itu, tidak pernah pun Menteri-menteri kita melawat Jabatan-jabatan Penjara ini. Maka kita tidak tahu apa yang terjadi demikian rupa. Yang kita tahu bila keluar suratkhobar terlibat pegawai penjara dengan dadah, kita heboh. Cuba kita pergi tanya bagaimana dadah itu masuk ke dalam penjara. 'Penjara kita setinggi mana?

Tuan Yang di-Pertua, biasa sekali dadah dilontarkan ke dalam penjara, kebetulan yang kena kepadanya itu seorang pegawai. Kalau yang pegawai warden itu macam mana? Mungkinlah, tetapi pegawai itu ambil dan tunjukkan - dia lontar daripada luar. Ini perkara-perkara tidak pernah cerita, tidak pernah siapa ambil tahu tetapi berita yang menuduh pegawai-pegawai ini kurang senang. Kurang menyenangkan hati mereka. Patut kita bela orang yang sedemikian rupa.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, lama lagikah.?

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Sedikit lagi, Yang Berhormat, saya pun tidak mahu sentuh banyak-banyak tetapi biar saya habiskan perkara-perkara ini.

Tuan Adam bin Kadir: Cuba ringkas sampai dua minit hingga pukul 5.45. Ramai lagi hendak bercakap ini.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Hilang point. Jadi, lagi satu dengan Jabatan Penjara, bila hendak temuduga, dijemput, yang naik pangkat, orang lain. Saya harap ada pegawai-pegawai yang ada

di sini, hendak temuduga panggil orang yang lama-lama itu, yang naik pangkat orang yang baru masuk - graduate. Dia tahukah kerja macam mana keadaan? Pengalaman dengan ijazah tidak sama. Saya tidak ada ijazah. Ini kita kena ambil perhatian. Maka apabila berlaku perkara-perkara sedemikian kepada kumpulan itu, dia manusia biasa,, perasaan ada, kecewa juga hati. Maka ini patut kita jaga, patut kita ambil perhatian sedemikian rupa.

Saya akurlah kepada kehendak Yang Berhormat tetapi ada satu lagi yang saya rasa banyak melibatkan jugalah sebahagian daripada orang ramai iaitu kita tidak pernah ambil perhatian berkaitan dengan pajak gadai. Selalu orang pergi pinjam bank, pinjam dengan pajak gadai orang tidak pernah tengok. Dia ini bermaharajalela kita tidak sedar dan ramai orang yang teraniaya kita tidak tahu. Kerana apa, hendak sebut pajak gadai malu. Saya tiada .pengalaman tetapi saya dapat berita-berita supaya perkara ini dibawa ke dalam Majlis.

Pajak gadai hanya memberi tempoh 6 bulan untuk satu-satu barang yang digadai dan mengikut kehendak dia sahaja harganya. Walaupun dibeli beribu tetapi kalau dia kata sekian banyak, orang yang sesak itu terpaksa terima sahaja. Maka dia punya faedah 2% sebulan - 6 bulan kalau tidak ambil, sepatutnya dia beritahu kepada empunya, "Awak punya barang sudah 6 bulan, kalau tidak ambil sekian haribulan, seminggu daripada sekarang maka barang ini akan dilelong". Perkara ini tidak pernah dapat kepada empunya. Tambahan pula kalau barang yang mahal digadai. Dia beli murah, kita beli mahal bila digadai murah, Langsunglah tuan-tuan empunya ini tidak akan diberitahu. Apabila pergi barang sudah dilelong.

Ini juga merugikan. Apa salahnya kita kaji? Kita kaji perkara ini dibuat secara Islam kerana yang banyak menggadai ini orang

Melayu. Contoh satu kedai pajak gadai di sekeliling kampung orang Melayu, dia satu-satu sahaja di situ tetapi semua orang sesak maka situlah. Senang bukan? Kita buat secara Islam. Mungkin saya terdengar dahulu satu taklimat berkaitan pajak gadai Islam patut dikajilah perkara sedemikian rupa supaya dapat pembelaan terutamanya kepada orang-orang kita yang banyak menggadaikan barang. Kerana hendak pergi jumpa kawan kadang-kadang malu. Kalau begitu tidak payah pergi sendiri. Suruh orang pun boleh. Jadi, ini satu yang menyenangkan untuk mendapat wang. Maka keadaan itu berlaku sedemikian rupa dan patut kita cari jalan untuk menyekat atau memperbaiki keadaan yang sedemikian rupa.

Jadi, kalau hendak ikut banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua, malang sekali dapat kepada saya masa yang terhad. Kalau hendak diikuti banyak perkara-perkara di sini yang patut kita bincangkan lebih mendalam tetapi peluang ini telah diambil oleh Yang Berhormat Tuan Mustafa. Kita harap pada masa-masa yang akan datang, dari awal lagi kita hadkan setiap orang bercakap supaya memuaskan hati dan adil saksama.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam.

5.50 ptg.

Tuan Haji Abdul Salam bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan 1991, iaitu Akta Perbekalan 1991 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Terlebih dahulu "izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas segala perkhidmatannya yang cemerlang sehingga membolehkan segala aktiviti yang dirancangan terbukti membawa faedah yang baik kepada rakyat keseluruhannya. Setinggi-tinggi tahniah juga diucapkan kerana Yang Berhormat telah berjaya membentangkan Belanjawan 1991 yang ternyata memenuhi kehendak semua lapisan rakyat daripada berbagai sektor. Sungguhpun beliau akan bersara tidak lama lagi, kita berharap dan berdoa penggantinya, iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim akan menyambung perkhidmatan yang sama seperti Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin. Memang perkara ini akan tercapai kerana pemilihan pengganti yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini sangatlah tepat.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1991 mengandungi peruntukan-peruntukan yang dibuat dengan wajar: yang mana membayangkan satu penelitian dan kajian yang mendalam lagi terperinci oleh Kerajaan. Iizinkan saya memberikan pandangan yang lebih merupakan satu analisa terhadap Kementerian-kementerian yang telah mendapat peruntukan-peruntukan istimewa, iaitu di antaranya. Jabatan Perdana Menteri,

Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pertanian, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pendidikan, Perkhidmatan Am Perbendaharaan, Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun, Kementerian Kesihatan, Polis DiRaja Malaysia, Kementerian Penerangan, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini sektor perindustrian adalah begitu menonjol sekali perkembangannya di negara IOI, namun demikian Belanjawan 1991 dengan jelas membayangkan bahawa pihak Kerajaan memberi lebih perhatian kepada sektor pertanian yang merupakan aktiviti utama bagi membaiki taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar. Ini mencerminkan bahawa Kerajaan benar-benar serius untuk membantu golongan masyarakat luar bandar yang majoritinya adalah kaum bumiputera dan matlamat membasmi kemiskinan menjadi prioriti Kerajaan, di samping melipatgandakan lagi pembangunan-pembangunan di kawasan-kawasan bandar. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan, hendaklah berhati-hati dalam segala bantuan yang disalurkan supaya benar-benar sampai kepada golongan-golongan yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menafikan bahawa kemudahan asas di kawasan luar bandar telah mencapai ke tahap yang boleh dibanggakan jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain. Belanjawan kali ini masih memberikan penekanan yang serius dalam meneruskan usaha-usaha pembangunan di luar bandar. Dalam hal ini, aktiviti industri kampung seperti industri kraftangan dari hasil-hasil pertanian, industri makanan berasaskan keluaran kampung, industri pelancongan luar bandar dan seumpamanya yang berkaitan dengan persekitaran luar bandar haruslah diberikan penekanan yang

lebih lagi. Ini ialah di antara cara-cara untuk meningkatkan lagi taraf ekonomi penduduk luar bandar dalam usaha membasmi kemiskinan tanpa mengabaikan sektor yang telah menjadi tradisi penduduk luar bandar, iaitu sektor pertanian..

Tuan Yang di-Pertua, kebijaksanaan Kerajaan telah ternyata dalam Belanjawan 1991 ini apabila Jabatan Perkhidmatan Awam telah juga diberikan penekanan dalam peruntukannya. Hal ini jelas menunjukkan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan satu pasukan pengurusan yang benar-benar stabil dan jujur dalam menghadapi cabaran-cabaran di tahun 1990an dan seterusnya kerana sesungguhnya keseimbangan antara pengurusan dengan pelaksana tidak dapat dinafikan tentang kepentingannya.

Belanjawan 1991 juga memberikan konsentrasi-konsentrasi terhadap keselamatan dan ketenteraman negara supaya bebas daripada segala bentuk ancaman sama ada dalam ataupun luar. Sesungguhnya keamanan adalah amat penting dalam menjamin segala program pembangunan dan pemodenan dapat diteruskan dengan berkesan. Oleh yang demikian, penekanan terhadap bidang pertahanan dan kepolisan dalam Belanjawan kali ini memanglah amat tepat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini masih ramai di antara pihak pengurusan kita yang masih bergantung kepada pihak consultant luar negeri dalam melaksanakan sesuatu projek. Adalah menjadi harapan semua pihak agar sedikit masa nanti kita akan berupaya untuk bergerak sendiri secara keseluruhannya tanpa banyak memerlukan tenaga fikir mahupun tenaga mahir dari luar negeri. Dalam hal ini, negara Jepun dan Korea telahpun membuktikan bahawa hal yang sedemikian bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dicapai. Cara ini juga dapat memastikan hasil negara yang diperolehi akan dapat

dicapai oleh rakyat negara ini dengan lebih banyak dan bermakna lagi.

Belanjawan 1991 sekali lagi telah membuktikan bahawa pihak Kerajaan adalah serius dalam menuju ke arah matlamat ini dengan memberikan penekanan lebih terhadap peruntukan kepada Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi Kerajaan dalam memastikan keberkesanan dan kecekapan segala program yang dirancang tidak dapat dinafikan. Dengan penekanan yang diberikan dalam Belanjawan pada kali ini terhadap Kumpulan Wang Terkanun adalah diharapkan rungutan-rungutan dari rakyat tentang kecekapan, kemampuan dan kemantapan agensi-agensi Kerajaan akan dapat diminimakan. Dalam hal ini, Kerajaan seharusnya berwaspada sentiasa untuk memastikan bahawa segala peruntukan yang telah disediakan itu benar-benar dapat meninggalkan kesan sebagaimana yang diharapkan dan juga dapat dimanfaatkan oleh kumpulan-kumpulan usahawan kerana sepatutnya agensi-agensi seperti inilah boleh menjadi payung kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi Kementerian Kerja Raya boleh dikatakan memuaskan dan adalah diharapkan agar ianya akan dapat mempertingkatkan lagi. Adalah juga diharapkan agar kontraktor-kontraktor bumiputera dapat diberikan lebih banyak lagi tawaran-tawaran tender oleh Kementerian ini. Sebagai sebuah badan yang mempunyai ramai tenaga mahir, Jabatan Kerja Raya seharusnya dapat menjadi satu ejen pengawalan yang boleh dijadikan sebagai satu badan rujukan yang benar-benar berwibawa dan bertanggungjawab. Semoga dengan penekanan yang diberikan dalam Belanjawan kali ini terhadap Kementerian berkaitan, semua pihak akan dapat menikmati segala manfaat dengan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu projek yang akan dilaksanakan dengan segera di bawah pengawasan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ialah satu projek empangan di Pergau, Kelantan. Adalah diketahui bahawa pelaksanaan projek ini telahpun ditawarkan kepada satu konsortium daripada United Kingdom bersama-sama dengan sebuah syarikat bumiputera tempatan. Adalah diharapkan agar projek yang bermakna ini dapat memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan, di samping dapat memberikan pengalaman dalam melaksanakan projek-projek yang seumpamanya di masa-masa akan datang. Adalah juga menjadi hasrat rakyat agar pihak Kementerian dapat membuat satu analisa yang benar-benar rapi agar kontraktor-kontraktor bumiputera mendapat manfaat yang benar-benar berkesan daripada pelaksanaan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya **ini**, izinkanlah sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada pihak Kerajaan amnya dan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan khasnya di atas kejayaannya membentangkan Belanjawan 1991 ini.

Dengan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Anggaran Perbelanjaan 1991. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Puan Hajah Habidah binti Jusoh.

6.00 ptg.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, di atas kesempatan yang telah diberi kepada saya untuk turut sama menyokong dan membahaskan Rang Undang-undang yang bernama satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1991 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu dan apa-apa jumlah wang lain yang telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini di mana pembentangan Belanjawan 1991 ini begitu baik dan dapat diterima oleh semua pihak. Saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja di dalam Rang Undang-undang Perbekalan 1991 ini memandangkan masih ramai lagi rakan-rakan yang akan mengambil bahagian di dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh berkenaan dengan B.5, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, juga B.6, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Kedua-dua Suruhanjaya ini saya akan menyentuh dengan cara sekaligus. Sebelum itu, saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan apakah mustahak atau perlunya B.6 atau Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan ini diwujudkan. Kenapa hanya Suruhanjaya Pendidikan sahaja yang diwujudkan, sedangkan masih banyak Kementerian-kementerian yang lain yang juga memainkan peranan mereka dan memberi perkhidmatan kepada negara yang tidak kurang pentingnya seperti Kementerian Kesihatan, Pertanian dan sebagainya.

Dan kalau semua perkhidmatan hendak diadakan Suruhanjaya, maka sudah tentulah pentadbiran negara akan menjadi bercelaru dan keliru. Oleh itu, pada pandangan saya, Suruhjaya Perkhidmatan Pendidikan ini patut disatukan atau diletakkan sahaja di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebagai satu cawangan supaya orang ramai tidak menjadi keliru atau salah faham dan menyenangkan kerja yang hendak dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana daripada apa yang difahamkan kepada saya sekarang ini pegawai-pegawai yang ada di bawah Kementerian Pendidikan ada setengahnya dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan ada setengahnya pula dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Kalau disatukan, boleh mengurangkan perbelanjaan Kerajaan, dapat mengatasi masalah ketidakseragaman di dalam peraturan-peraturan dan keputusan-keputusan dan juga masalah undang-undang yang tidak seragam kadang-kadang orang ramai menjadi keliru sebagaimana yang saya katakan tadi. Dengan adanya dua Suruhanjaya ini boleh memperbanyakkan karenah di dalam pentadbiran. Sebagai contohnya, pengambilan Kerani, SPA mengeluarkan iklan, SPP juga mengeluarkan iklan, maka sudah tentulah belanjanya bertambah untuk iklan, proses temuduga dan sebagainya. Kadang-kadang orang yang sama dipanggil oleh kedua-dua Suruhanjaya tersebut untuk ditemuduga, pada hal boleh diberi kepada orang lain pula.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan B.17 pula iaitu Kementerian Belia dan Sukan, di mana Projek Belia Niaga adalah salah satu daripada projek yang telah diusahakan oleh Kementerian ini. Projek ini adalah amat baik dan bagus untuk melatih dan melahirkan usahawan di kalangan belia. Tinggal lagi projek ini pada pandangan saya gagal mencapai matlamatnya. Saya ingin mendapat penjelasan daripada

Menteri Belia di Dewan yang mulia ini, berapa banyakkah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan sejak projek ini dilancarkan? Dan berapakah pula bilangan projek yang berjaya dan masih berjalan sehingga kini? Kerana apa yang saya difahamkan kebanyakan projek ini tidak berjalan dengan baik, malahan banyak menerima kegagalan. Juga difahamkan, dari segi puratanya satu-satu projek itu bantuannya antara \$20,000 hingga \$30,000; ke manakah lesapnya duit tersebut? Dan kemanakah perginya belia-belia yang mendapat bantuan itu?

Pada pandangan saya, cara pelaksanaan Projek Belia Niaga yang ada tidak berapa kemas dan teratur, khasnya mengenai cara-cara pemilihan belia yang akan diberi bantuan tersebut. Dari pengalaman yang lepas menunjukkan kebanyakan belia-belia yang diberi bantuan itu bukanlah dari kalangan belia-belia yang benar-benar berminat untuk menceburkan diri di dalam bidang perniagaan, kerana terdapat setengah daripada mereka hanya setakat untuk memenuhi masa lapang sahaja sementara menunggu mendapat kerja-kerja lain ataupun setengah-setengah belia itu cuma setakat ingin mencuba sahaja, bukan daripada minat ataupun kehendak dan kebolehan dalam bidang perniagaan.

Oleh kerana itu, dicadangkan semasa pemilihan hendak diberi bantuan tersebut, pihak Kementerian hendaklah memastikan bahawa belia yang mendapat bantuan itu benar-benar mereka yang berminat dan berkebolehan dalam bidang yang hendak diceburinya. Juga dengan cara memilih belia-belia yang telah dilatih di pusat-pusat latihan belia di seluruh negara. Dengan kerjasama pusat-pusat latihan tersebut, Kementerian akan dapat mengenalpasti belia-belia yang berminat, berbakat di dalam bidang perniagaan.

Juga Kementerian Belia dan Sukan, melalui pegawai-pegawai belianya sendiri hendaklah membuat kajian dan publisiti belia-belia yang sekarang ini sedang membuka perniagaan secara kecil-kecilan dengan belia-belia di pusat latihan serta memberi bantuan kepada mereka, kerana minat dan keberanian mereka untuk menceburkan diri di dalam perniagaan telah terbukti. Tinggal lagi pihak Kementerian perlu menggilap dan mengasah bakat yang sedia ada supaya mereka boleh menjadi usahawan yang benar-benar berjaya. Dengan cara ini kita yakin dan percaya duit yang dikeluarkan oleh Kementerian atau oleh Kerajaan ini tidak hangus dan hilang begitu sahaja sebagaimana sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai sukan pula, di mana perkara ini di bawah Kementerian yang sama iaitu berhubung dengan kemudahan-kemudahan sukan sekarang ini, ramai pakar-pakar sukan sama ada dari dalam ataupun luar negeri mengatakan Malaysia mempunyai tempat yang sesuai dari segi cuaca untuk melatih ahli-ahli sukan kita bagi maksud melatih mereka menghadapi pertandingan ataupun perlawanan dengan negara-negara yang berhawa dingin ataupun sejuk. Misalnya baru-baru ini ada pakar-pakar sukan mengatakan Cameron Highlands adalah sesuai untuk melatih atlet-atlet kita bagi persiapan menghadapi sukan antarabangsa.

Jadi, kalau sudah ada tempatnya yang sesuai begini, pihak Kerajaan patut mengadakan kemudahan-kemudahan sukan seperti mengadakan stadium dan lain-lain kemudahan di tempat yang seumpama ini bagi memudahkan ahli-ahli sukan ataupun atlet-atlet kita untuk mengadakan latihan ataupun latihan dapat dijalankan dengan cara yang baik dan lebih teratur. Kalau latihan ini dilakukan ataupun dibuat di dalam

negara kita sendiri maka ini akan mengurangkan kos ataupun perbelanjaan yang selama ini kita habiskan di dalam negara orang. Kerana kita sedia maklum, kalau dibuat di negara luar, kosnya adalah berlipat ganda, berbanding dengan latihan yang dibuat di dalam negara sendiri.

Saya juga ingin mengesyorkan supaya Kementerian Belia dan Sukan menumpukan acara sukan kepada jenis sukan yang kurang menggunakan tenaga fizikal, iaitu kepada jenis sukan yang banyak menggunakan kemahiran, kerana kalau penumpuan yang hanya dibuat kepada sukan yang menggunakan tenaga fizikal seperti bolasepak misalnya, sedangkan kita rakyat Malaysia orangnya kecil-kecil, kalau berlawan dengan orang-orang Amerika ataupun orang-orang Eropah yang besar-besar orangnya, maka sudah tentulah kita senantiasa mengalami kekalahan, dan hendak mendapat pingat pun sudah tentulah menjadi sukar. Tetapi kalau penumpuan dibuat kepada jenis-jenis sukan yang banyak menggunakan kemahiran individu seperti badminton, pingpong, memanah, menembak, bowling dan sebagainya, maka harapan atlit-atlit kita untuk mendapat dan memungut pingat-pingat antarabangsa memanglah cerah. Sebab itu sekali lagi saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Belia dan Sukan memberi penumpuan kepada jenis-jenis sukan yang banyak menggunakan kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh B.18 iaitu Kementerian Perusahaan Utama. Kita sedia maklum di antara hasil negara kita yang terbesar ialah kelapa sawit dan getah. Harga kedua-dua bahan tersebut sentiasa turun naik dengan tidak menentu. Ini adalah disebabkan kalau getah ada getah tiruannya dan kalau kelapa sawit pula ada pertandingan minyak sawit dengan minyak kacang soya, juga kempen anti-minyak sawit oleh negara-negara luar ataupun dengan adanya pengeluaran kelapa sawit secara besar-besaran dari Indonesia. Maka masa depan kedua-dua hasil negara kita yang terbesar ini semakin hari semakin terancam.

Di sini saya ingin mengesyorkan supaya pihak Kerajaan menanam buluh dan rotan secara perladangan seperti kelapa sawit dan getah juga memandangkan kedua-dua tanaman ini iaitu buluh dan rotan banyak kegunaan. Buat masa ini kedua-dua bahan tersebut harganya agak stabil di mana buluh boleh dibuat kertas yang banyak kegunaannya, boleh dibuat bakul dan sebagainya. Begitu juga rotan boleh dibuat bakul, kerusi, meja, perabot rumah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita, negara yang sedang membangun dan maju maka lagi mahallah harganya. Tambahan pula kedua-dua tumbuhan tersebut adalah asal-usul tumbuhan negara kita yang sesuai dengan iklimnya, kesuburannya dan bersesuaian pula dengan tanah dan kita masih banyak tanah-tanah kosong yang perlu diusahakan dengan kedua-dua tumbuhan tersebut.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, panjang lagi?

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Sedikit lagi.

Tuan Adam bin Kadir: Sampai 6.15 petang ya.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: B.44 iaitu Kementerian Penerangan di mana hari ini kita mendengar orang ramai sentiasa merungut berkenaan dengan logo RTM yang kurang menarik dan nampak agak malap berbanding dengan logo TV3 yang agak menarik, Kerana kalau logonya sudah tidak menarik minat orang ramai apa lagi untuk menonton rancangan pula maka sudah tentulah tidak menarik juga. Dengan sendirinya mereka tidak akan menonton.

Saya contohkan di sini, logo itu adalah ibarat kulit sebuah buku. Kalau orang tengok kulitnya tidak menarik maka sudah tentulah isi di dalamnya Lebih tidak menarik. Ini sebagai bandingan. Oleh kerana siaran TV ini orang ramai yang memberi penilaiannya bukan Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen yang memberi penilaian tentang bagus atau tidaknya sesuatu rancangan itu.

Maka saya cadangkan untuk memberi imej kepada RTM kita supaya mencipta satu logo yang lebih menarik dari yang sedia ada, supaya apabila dipandang sahaja logo itu akan menarik minat ataupun ketagihan untuk melihat seterusnya rancangan yang disiarkan oleh RTM, tidaklah seperti sekarang ini sekali RTM sekali TV3. Jadi maknanya mereka itu memilih yang mana mereka rasa lebih baik.

Begitu juga sepertimana yang telah banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang raulia ini berkenaan dengan rancangan-rancangan yang menjolok mata. Diharap pihak yang bertanggungjawab perbaikilah rancangan tersebut. Kalau tidak patut ditayangkan janganlah ditayangkan supaya kerosakan moral muda-mudi kita tidak akan bertambah malah diharapkan akan berkurangan.

Baru-baru ini pula iaitulah minggu lepas, elektrik rosak yakni terputus selama tiga jam. Maka takkanlah pihak RTM tidak mempunyai sistem bantuan elektrik sokongan. Apa telah terjadi kepada RTM?

Kerana rangkaian ini adalah rangkaian nasional. Sepatutnya apabila elektrik padam maka teruskan generator sokongan mengambil alih supaya siaran tidak tergendala begitu lama. Saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan, di manakah punca kelemahannya sehingga tergendala begitu lama dan kerugian berjuta-juta ringgit dan menyusahkan orang ramai dan menjatuhkan imej negara kita sebagai sebuah negara yang sedang membangun?

Oleh itu dicadangkan supaya Kerajaan mengadakan sistem bantuan tenaga elektrik sokongan yang lebih cekap supaya peristiwa putus atau tergendalanya siaran TV tidak berulang lagi. Apakah akan terjadi sekiranya semasa insiden ini berlaku Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sedang memberi ataupun menyampaikan amanat penting kepada rakyat jelata. Tidakkah ini akan memalukan negara kita di mata dunia?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang B.47 iaitu Kementerian Pengangkutan, peranan Kementerian Pengangkutan di dalam perkembangan industri di Pantai Timur khususnya di Negeri Terengganu agak mundur dan untuk memajukan industri ini kemudahan infrastruktur amat penting sama ada udara, darat ataupun laut. Salah satu daripada infrastruktur itu ialah kemudahan jalan keretapi sebagai pertalian kemudahan perkembangan industri. Kerana sifat keretapi, boleh membawa barang-barang dengan selamat, banyak di dalam tempoh masa yang dikehendaki tanpa jem. Buat masa ini keretapi tidak ada di Terengganu. Bagaimana pelabur-pelabur khasnya pelabur asing berminat untuk membuka industri di kawasan Pantai Timur khasnya di

Terengganu dan sepatutnya sekarang ini memang munasabah diadakan jalan keretapi dengan projek yang sedang berkembang di Terengganu seperti petroleum, gas, projek-projek industri lain yang berkaitan dengannya. Di mana industri yang ada sekarang ini amat perlu untuk membawa barang-barang eksport melalui pelabuhan Kelang, Lapangan-Terbang Subang atau ke Singapura. Rasanya di Terengganu sahaja yang masih belum ada kemudahan jalan keretapi. Kalau ada jalan ini akan mengurangkan masalah kekurangan kemudahan awam untuk menghubungi antara Pantai Timur dengan Pantai Barat dan bolehlah kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah diberi "Pas Keretapi" itu menaiki keretapi untuk datang ke Parlimen.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat boleh ringkaskan ucapan ke seminit sahaja lagi?

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Sedikit sahaja lagi. Oleh itu Kementerian Pengangkutan dicadangkan supaya melaksanakan segera kemudahan keretapi ini dan diperpanjangkan ke Negeri Terengganu dengan negeri-negeri lain di Pantai Barat kerana gas, petroleum, emas, kelapa sawit semuanya ada di Terengganu. Bukankah niat Kerajaan hendak memajukan industri. Apakah sumbangan Kerajaan Negeri yang sudah begitu banyak daripada hasil petroleum yang disumbangkan oleh Kerajaan Pusat masih tidak bolehkah untuk membuat jalan keretapi dengan segera bagi menghubungi Negeri Terengganu dengan pintu-pintu utama di sebelah Pantai Barat di dalam perkembangan perindustrian ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh B.52 pula iaitu Kementerian Kerja Raya Malaysia adalah sebuah negara yang paling tinggi sekali kadar kematian akibat kemalangan jalanraya. Sebab kemalangan

jalanraya ini berlaku ialah berkaitan rapat dengan pemandu-pemandu iaitu pemandu tidak berhati-hati ketika memandu, pemandu mabuk, pemandu melanggar peraturan jalanraya seperti di lebuh raya, jalan laju daripada had yang ditetapkan, memotong tempat yang tidak dibenarkan dan lain-lain seperti muatan lebih daripada had yang ditetapkan dan pemandu tiada lesen. Berkaitan dengan kenderaan pula, kenderaan yang tidak diselenggarakan dengan betul, berek rosak, lampu padam, tayar botak dan lain-lain. Begitu juga yang berkaitan dengan jalanraya. Terdapat jalanraya-jalanraya yang mempunyai selekoh yang merbahaya, jalan-jalan sempit dan jambatan juga sempit. Jalan-jalan tiada papan tanda dan lain-lain.

Baru sebentar tadi kita mendengar 10 perkara yang telah diberi jawapan mulut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan. Di sini saya rasa saya ingin menambah sedikit lagi perkara-perkara ini supaya Kementerian Pengangkutan mengambil tindakan untuk mengatasi dan mengurangkan kemalangan jalanraya.

Tuan Adam bin Kadir: Sudahlah itu, Yang Berhormat.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Pendek, sedikit sahaja lagi.

Tuan Adam bin Kadir: Beri lima minit sampai sepuluh minit.

[Ketawa]

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Hendak cadanglah ini. Saya mencadangkan minta sedikit lagi untuk buat cadangan.

Tuan Adam bin Kadir: Seminit.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Semak dan kaji semula syllabus peraturan orang-orang yang cekap untuk lulus ujian, tambah kaki-tangan penguatkuasa, kemudian adakan peralatan yang simple untuk mengesan pemandu-pemandu yang membuat kesalahan atau kenderaan yang menggunakan peraturan seperti alat pengesan kelajuan, alat timbang kenderaan yang boleh dibawa ke mana-mana.

Hanya setakat itu sahajalah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Segala pandangan, cadangan dan kritikan yang saya utarakan sebentar tadi adalah sebagai teguran yang ikhlas agar Kerajaan dapat mengambil langkah-langkah yang positif demi untuk kebaikan bersama di dalam melaksanakan program pembangunan.

Dengan ini, saya pohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 diluluskan. Sekian, maaf dan terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya sekarang ada tiga orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan bercakap. Saya panggil sekarang Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah.

6.21 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang kepada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1991.

Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainudin, Menteri Kewangan di atas Belanjawan yang disediakan bagi tahun 1991. Semua peringkat lapisan rakyat telah menerima Belanjawan dengan perasaan lega dan penuh semangat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan yang dibentangkan tempoh hari, sebahagian besarnya menyentuh pertumbuhan ekonomi negara kita yang telah begitu meningkat iaitu dari beberapa sumber seperti perkilangan, komoditi, petroleum dan lain-lain.

Saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan kepada sektor perkilangan yang telah membuka luas sektor ini kepada pelabur-pelabur asing dari Jepun, Amerika, Taiwan dan lain-lain. Hasilnya pertumbuhan ekonomi kita telah meningkat, peluang pekerjaan lebih banyak, pengangguran dapat dikurangkan. Tetapi kita masih ragu di atas program pemindahan teknologi tinggi terhadap rakyat negara ini yang mana masih belum menampakkan kemajuan sehingga ini. Saya ingin mendapat penjelasan pihak Kementerian berkenaan iaitu berapa peratuskah warganegara kita telah mendapat latihan khusus dalam bidang pembuatan dari segi pemindahan teknologi tinggi melalui pakar-pakar dari Jepun, Amerika, Taiwan dan lain-lain negara.

Negara kita kaya dengan bahan mentah seperti kelapa sawit, getah, bijih dan petroleum. Sudah sampai masanya anak bumi negara ini didedahkan kepada teknologi tinggi supaya kita boleh mengolah lebih banyak penghasilan barangan mentah dari negara kita sendiri.

Kerajaan hendaklah menyediakan program di mana kita ada beberapa pusat pengajian tinggi dan kita harap para pelabur yang menjalankan industri yang berasaskan minyak sawit, getah, timah, petroleum dan lain-lain supaya berganding bahu melatih para pelajar kita di bidang-bidang yang khusus dan akhirnya melahirkan pekerja-pekerja tenaga mahir dan separuh mahir dari anak tempatan sendiri.

Tuan Yang .di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin menyentuh beberapa Kementerian yang telahpun diperuntukkan dengan beberapa peruntukan tertentu bagi setiap Kementerian. Saya ingin menarik perhatian kepada Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri. Baru-baru ini terdapat satu cadangan daripada para perwakilan UMNO dalam Perhimpunan Agung baru lalu iaitu Kerajaan hendaklah mengadakan kerahan tenaga.

Saya rasa perkara ini adalah penting kepada rakyat negara kita ini iaitu didedahkan kepada pendidikan untuk mempertahankan negara ini supaya tenaga-tenaga muda yang ada ini dapat dibekalkan dengan ilmu-ilmu pertahanan. Saya rasakan ini perlu kerana negara jiran kita yang saya di sebelah Selatan sana lebih mengikuti bahawa menjadi suatu kewajipan pemuda-pemuda di sana untuk terus menjalankan kerahan tenaga dan latihan tentera. Ini bukanlah tujuan kita untuk berperang tetapi semata-mata untuk mempertahankan diri kerana kita harus ingat tidaklah mustahil "ular lidi akan menelan naga". Kita lihat apa yang berlaku di Israel, di Timur Tengah iaitu di tengah-tengah negara Arab yang begitu ramai tetapi tidak dapat mengatasi ancaman Israel yang jumlah penduduknya begitu kecil.

Jadi, sekali lagi saya katakan bahawa kita bukan untuk berperang tetapi untuk memberi persediaan kepada anak-anak muda kita supaya ada ilmu mempertahankan negara ini, dilatih dengan cara ketenteraan dan selepas itu mereka boleh menjalankan tugas masing-masing di bidang akademik yang mereka ada. Tetapi apabila keadaan memerlukan, kita dapat memanggil dan mengerahkan mereka yang telahpun ada ilmu-ilmu pertahanan yang telah diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Jabatan Perdana Menteri ini juga saya ingin menyentuh satu projek iaitu empangan air di Lengiu, Johor di mana empangan ini telahpun dibina. Tetapi pihak Kerajaan seharusnya memikirkan kesan kawasan sekitar khasnya kepada penduduk-penduduk asli di kawasan itu yang mana pendapatan, mata pencarian

hidup mereka adalah berasaskan kepada sungai-sungai yang ada, tetapi nampaknya pihak-pihak tertentu tidak mengendahkan mereka dan pada masa ini saya rasa mereka dalam keadaan terancam masa depan kehidupan mereka dengan sebab kawasan ini akan ditenggelami oleh air untuk menampung satu pusat takungan air untuk perbekalan ke Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini juga, saya ingin menyentuh masalah Amanah Saham Nasional (ASN). Kita bersyukur atas rancangan yang Kerajaan buat ini telah banyak memberi pulangan hasil kepada bumiputera. Tetapi harus juga diingat bahawa kelicinan dalam mentadbirkan ASN ini masih tidak licin. Ada sehingga hari ini terdapat pelabur-pelabur yang masih tergantung perniagaan mereka dan tidak dapat dibereskan. Saya bercakap di atas pengalaman diri saya sendiri, setelah sebulan saya berurus tetapi sehingga hari ini masih tak beres lagi. Bukanlah banyak sangat pelaburan yang saya buat, tidaklah menjangkau beratus-ribu ringgit tetapi setakat kadar yang dibenarkan. Itupun masih lagi tidak beres. Dan bukan saya sahaja, tetapi banyak lagi saya mendapat maklumat daripada orang ramai yang mana akaun mereka masih lagi tergantung.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Maksud B.52 - Kementerian Kerja-Raya. Pertama sekali berhubung dengan tender-tender Kerajaan yang dikeluarkan. Saya mendapat maklum-balas daripada orang ramai, tender-tender yang biasa diluluskan pada tahun itu dapat dilaksana-

kan setahun kemudian ataupun lebih lewat lagi. Kalau inilah yang terus-menerus berlaku, saya dimaklumkan oleh para kontraktor ini, mereka akan menanggung beban kerugian kerana pada masa mereka mengambil tender itu nilainya dijangkakan mendapat untung, tetapi setahun kemudian nilai kosnya telah meningkat dan akhirnya kontraktor berkenaan tidak boleh kerja itu dan kalau dia buat akan mengalami kerugian. Perkara ini harus diambil perhatian supaya tender-tender diluluskan pada masa yang berkenaan itu harus juga dilaksanakan dalam tempoh yang sama.

Yang kedua, mengenai jalan-jalan di FELDA. Sekarang ini Kerajaan telah berusaha menaikkan tarat jalan-jalan di FELDA dan saya berterima kasihlah kerana pada keseluruhannya boleh dikatakan baik, Tetapi terdapat pelaksanaan-pelaksanaan yang dilakukan kurang memuaskan di mana jalan-jalan yang elok juga dibongkar balik dan dibuat bukan secara tar goreng tetapi secara tar simbah.

Saya tidak bersekolah berkenaan jalan ini, saya katakan kepada pihak jurutera tetapi kalau inilah yang dibuat, dari apa yang saya lihat di dalam rancangan-rancangan di Johor, kebanyakan jalan-jalan ini dalam masa tempoh tiga bulan telah terkopak dan rosak dan balik asal kepada jalan yang sebelum jalan itu diturap. Jadi, kalau Kerajaan hendak menaikkan taraf jalan-jalan ini, biarlah jalan-jalan tanah merah sahaja yang mana pada masa hujannya lecek dan pada masa panasnya berdebu, jalan ini sahajalah dinaikkan taraf. Tetapi jalan yang sedia ada, yang elok janganlah dibongkar ataupun ditar di

atasnya daripada asalnya tar goreng kepada tar simbah. Saya kata bukan upgrade, tetapi, dengan izin, down grade tidak naik taraf tetapi turun taraf.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh mengenai tanda-tanda jalan raya. Tanda-tanda jalan ini hendaklah dibuat lebih.....

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, panjang lagi? Kalau panjang, sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok, hari Jumaat.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.